10 Asas Aqidah

Sebahagian daripada Kitab 40 Asas dalam Agama

Karya al-Imam Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali (W505 H)

Terjemahan dan suntingan
Ustaz Mohd Juzaili bin Juhan
Ustaz Azhar bin Yahya

Diterbitkan oleh
Jabatan Mufti Negeri Selangor

10 Asas Aqidah

Pengenalan Kitab

Islam merupakan agama yang diredhai di sisi Allah s.w.t yang merangkumi tiga aspek utama iaitu Aqidah, Syari'ah dan Akhlaq. Pemahaman, penghayatan dan pengamalan Islam sebagai al-Din telah pun sempurna sejak tiga kurun terawal Islam walau pun terdapat perbezaan darjat keilmuan di kalangan sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in. Sebahagian di kalangan mereka mempunyai kepakaran khusus serta kecenderungan dalam keilmuan dan penulisan.

Justeru, terdapat penulisan dalam bidang akidah, fiqh dan usul fiqh, hadith dan ilmu hadith serta karya-karya dalam bidang akhlak yang membincangkan tentang proses pembersihan jiwa daripada sifat-sifat yang tercela di samping proses menghiasi jiwa dengan sifat-sifat yang terpuji.

Antara karya terbaik dalam bidang akhlak yang dihasilkan oleh ulama' pada penghujung kurun ke yang ke-5 hijrah ialah kitab Ihya' Ulum al-Din yang dikarang oleh al-Imam Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali. Disebabkan kitab tersebut sangat besar dari segi saiznya dan kadangkala menimbulkan kesukaran kepada sebahagian penuntut ilmu amnya untuk mendapatkannya menyebabkan al-Imam al-Ghazali menulis pula kitab al-'Arba'in fi Usul al-Din (40 Asas Dalam Agama) sebagai rumusan dan intipati kepada kitab Ihya' Ulumiddin.

Kitab 40 Asas Dalam Agama ini, walaupun dari segi saiznya lebih kecil namun terhimpun di dalamnya 40 asas dalam aspek aqidah, rahsia ibadat, akhlak tercela yang wajib dibersihkan serta akhlak terpuji yang wajib dilaksanakan bagi mendapat kejayaan di akhirat serta keredhaan Allah s.w.t.

* Penerbitan ini menumpukan kepada 10 Asas Aqidah dari kesemua 40 Asas Agama.

"Semoga buku ini akan memberikan sebanyak mungkin manfaat, dijadikan panduan oleh guru-guru takmir di Selangor khususnya dalam memberikan penerangan kepada masyarakat awam tentang Aqidah, seterusnya semoga ia menjadi rujukan kepada masyarakat Islam dalam memahami Aqidah Ahlu as-Sunnah Wal Jama'ah. "

ISBN 978-967-17378-0-4

9 789671 737804

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ١

Dengan Nama Allah

Yang Maha Pemurah

lagi Maha Penyayang.

10 Asas Aqidah

Sebahagian Daripada Kitab
40 Asas Dalam Agama

Karya al-Imam Hujjatul Islam
Abi Hamid al-Ghazali (wafat 505 Hijrah)

Terjemahan dan Suntingan :

Ustaz Mohd Juzaili Juhan dan Ustaz Azhar Yahya

10 Asas Aqidah

al-Imam Hujjatul Islam Abi Hamid al-Ghazali

Jabatan Mufti Negeri Selangor

ISBN 978-967-17378-0-4

Cetakan pertama 2012, 5000 naskhah
Cetakan kedua 2014, 3500 naskhah
Cetakan ketiga 2017, 5000 naskhah
Cetakan keempat 2019, 3000 naskhah
Cetakan kelima 2020, 3500 naskhah

Terbitan	Cetakan
Jabatan Mufti Selangor Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Faza Publications Enterprise 207-02-06, Sentul Utama, Jal;an Dato' Senu 26, Sentul 51000, Kuala Lumpur 019-3642314

Isi Kandungan

Kata-Kata Aluan

Segala puji dan syukur dilimpahkan kehadrat Allah SWT yang sentiasa melimpahkan taufik dan hidayah-Nya sehingga kita dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah di muka bumi ini. Selawat dan salam sentiasa dipanjatkan kepada Baginda Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan tabi'in serta generasi seterusnya yang mengikuti jejak langkah Baginda SAW sehingga ke akhir zaman.

Islam merupakan satu-satunya agama yang diredhai Allah SWT, ia merangkumi tiga aspek penting iaitu Aqidah, Syariah dan Akhlak. Tiga aspek ini saling memerlukan antara satu sama lain bagi menjadikan kehidupan seseorang insan mukmin itu sempurna dalam mengejar kebaikan di dunia mahupun akhirat.

Aqidah merupakan asas yang paling penting dalam pembinaan iman seorang mukmin yang sejati, asas yang penting ini juga mestilah diambil serta dicapai dengan penuh hati-hati serta teliti kerana jika asasnya goyah maka apa yang berdiri di atasnya juga pasti akan goyah. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab setiap mukmin untuk terus

memantapkan ilmu di samping memastikan setiap apa yang diperbahaskan diselangi dengan ayat-ayat suci al-Quran dan juga hadis Rasulullah SAW yang telah dihurai dengan teliti oleh ulama'-ulama' Ahlu as-Sunnah Wal Jama'ah.

Atas dasar itulah Jabatan Mufti Negeri Selangor menerbitkan buku kecil yang bertajuk 10 ASAS AKIDAH karangan Imam al-Ghazali RH, 10 asas ini merupakan bahagian pertama daripada 40 asas yang disebut di dalam kitab asal Imam al-Ghazali RH.

Akhir kata, semoga buku ini akan memberikan sebanyak mungkin manfaat dan dijadikan panduan oleh guru-guru takmir dan pendakwah bertauliah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di Selangor khususnya dalam memberikan penerangan kepada masyarakat awam tentang Aqidah. Seterusnya semoga ia menjadi rujukan kepada masyarakat Islam dalam memahami Aqidah Ahlu as-Sunnah Wal Jama'ah.

Wallahu Ta'ala A'lam

Sekian, Wassalam.

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
SSIS., DPMS., PPT.
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

Pendahuluan Penterjemah

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Selawat dan salam kepada Junjungan Besar al-Amin Muhammad ibn Abdullah.

Rakaman hebat yang telah diwariskan oleh Hujjah al-Islam Imam al-Ghazali ini adalah satu tulisan yang nampak kecil tetapi ia merupakan satu gugusan matan yang merupakan rangkuman kalimat-kalimat hebat yang telah disusun dengan pena ketauhidan yang amat tinggi daripada seorang Murshid sepanjang zaman.

10 asas agama dalam perkara ketauhidan telah dipetik daripada 40 asas agama yang terdapat dalam karya asal telah dirakamkan di dalam buku ini. Kehebatan buku kecil ini menyebabkan kami memilih kitab ini setelah diminta oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk mencadangkan sebuah kitab ringkas yang kecil untuk sebaran masyarakat awam.

Buku ini juga merupakan sebahagian buku silibus kajian untuk pelajar peringkat sarjana di APIUM. Kedua-dua penterjemah merupakan pelajar di peringkat sarjana di APIUM. Penterjemah juga

telah melakukan diskusi berkenaan buku ini dengan Prof. Dr. Jamal Faruq al-Daqqaq al-Hasani. Pensyarah di Universiti al-Azhar Kaherah.

Buku ini juga telah dipermudahkan serta ditambah nilai dengan suntingan dan penambahan oleh penterjemah. Beberapa penerangan dan syarah dilakukan secara ringkas bagi memudahkan kefahaman.

Kebanyakan huraian matan dilakukan dengan method pemaparan ayat al-Quran sebagai penghurai tanpa banyak kalimat manusiawi daripada kami kerana memandangkan kami amat kerdil untuk mensyarahkan kitab ini. Mudah-mudahan kemukjizatan al-Quran memberi nilai tambah kepada matan tersebut.



Ustaz Juzaili Bin Juhan
Pegawai Syariah,
Bank Islam Malaysia Berhad.



Ustaz Azhar Bin Yahya
Pengarah Kanan,
Sektor Pembangunan Ummah dan Wanita,
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Pengenalan Kitab

Islam merupakan agama yang diredhai di sisi Allah SWT yang merangkumi tiga aspek utama iaitu Aqidah, Syari'ah dan Akhlak. Pemahaman, penghayatan dan pengamalan Islam sebagai *al-Din* telah pun sempurna sejak tiga kurun terawal Islam walaupun terdapat perbezaan darjat keilmuan di kalangan sahabat, *tabi'in* [1] dan *tabi' tabi'in*. [2] Sebahagian di kalangan mereka mempunyai kepakaran khusus serta kecenderungan dalam keilmuan dan penulisan.

Justeru, terdapat penulisan dalam bidang akidah, fiqh dan asas fiqh, hadis dan ilmu hadis serta karya-karya dalam bidang akhlak yang membincangkan tentang proses pembersihan jiwa daripada sifat-sifat yang tercela di samping proses menghiasi jiwa dengan sifat-sifat yang terpuji.

Antara karya terbaik dalam bidang akhlak yang dihasilkan oleh ulama' pada penghujung kurun ke yang ke-5 hijrah ialah kitab *Ihya' Ulum al-Din* yang

---

[1] Jamak bagi *tabi'*, mereka ialah orang yang bertemu dengan para sahabat tetapi tidak bertemu dengan Rasulullah SAW dalam keadaan beriman dan kekal imannya sehingga mati. *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah,* al-Mufti al-Sayid Muhammad 'Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, hal. 50.

[2] Golongan selepas *tabi'in*. Rujukan yang sama.

dikarang oleh al-Imam Hujjah al-Islam Abi Hamid al-Ghazali. Disebabkan kitab tersebut sangat besar dari segi saiznya dan kadangkala menimbulkan kesukaran kepada sebahagian penuntut ilmu amnya untuk mendapatkannya yang menyebabkan Imam al-Ghazali menulis pula kitab *al-'Arba'in fi Usul al-Din* (40 Asas Dalam Agama) sebagai rumusan dan intipati kepada kitab Ihya' Ulumiddin.

Kitab 40 Asas Dalam Agama ini, walaupun dari segi saiznya lebih kecil namun terhimpun di dalamnya 40 asas dalam aspek aqidah, rahsia ibadat, akhlak tercela yang wajib dibersihkan serta akhlak terpuji yang wajib dilaksanakan bagi mendapat kejayaan di akhirat serta keredhaan Allah SWT.

Penerbitan ini menumpukan kepada 10 Asas aqidah dari kesemua 40 Asas Agama. Buku ini juga telah dibuat nilai tambah oleh penterjemah dengan mensyarahkan *istilahat* yang sukar dan sedikit syarah pada struktur ayat yang sukar. Disamping pemaparan matan hadis beserta sedikit *takhrij* perawi hadis.

Buku ini merupakan buku yang berasaskan metodologi falsafah dalam penulisannya. Maka bahasanya, sememangnya tinggi sastera dan falsafahnya. Justeru, penterjemah telah cuba sehalus mungkin memaparkan buku ini untuk dijadikan santapan minda masyarakat awam.

Biografi al-Imam al-Ghazali

Nama dan keturunannya

Beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Tusi dilahirkan di al-Tus yang terletak di Khurasan[3] pada tahun 450 Hijrah. Ayah beliau bekerja sebagai tukang pintal benang untuk dibuat kain dan menjualnya di kedainya di al-Tus. Ayah beliau telah mewasiatkan kepada al-Ghazali RH dan abangnya Ahmad untuk terus menuntut ilmu daripada kawannya.

---

[3] Khurasan ialah satu wilayah yang kini meliputi kawasan Afghanistan, Turkmenistan, Tajikistan, Uzbekistan serta sebahagian kecil Iran dan Khirgiztan. al-Tus pula kini terletak di utara Iran yang bersempadan dengan Uzbekistan. Bumi Khurasan ini telah pernah melahirkan ulama-ulama besar seperti Imam al-Bukhari, Abu Laits al-Samarqandi, Imam Muslim, Imam Nasa'i, Imam Tirmidzi, Imam Nakha'i, Ibnu Sina, al-Farabi, al-Biruni, Ibnu Rusyd, Umar Khayyam, Sheikh Farid Al-Din Attar, Syeikh Bahaudin al-Naqsyabandi, Al-Khazini dan ramai lagi. *Mu'jam Buldan* 2/350

Pendidikannya

Imam al-Ghazali RH telah mempelajari ilmu fiqh sejak dari kecil di al-Tus daripada gurunya Imam Ahmad al-Razikani, kemudian bermusafir ke Jurjan untuk mengambil ilmu daripada Imam Abi Nasr al-Isma'ili kemudian kembali semula ke al-Tus.

Kemudian beliau telah pergi ke Naisabur untuk berguru dengan Imam al-Haramayn Abu Ma'ali al-Juwaini (wafat 478 H) sehingga menguasai ilmu fiqh mazhab Syafi'i berserta perselisihan pandangan *fuqaha'*, ilmu-ilmu asas agama, usul al-fiqh, mantiq serta falsafah dan memahaminya dengan baik kemudian menyanggah segala kebatilan ahli falsafah.

Beliau mengarang banyak kitab dalam setiap cabang ilmu dan karya-karya yang dihasilkannya sangat baik. Beliau seorang yang sangat cerdik, mempunyai pandangan yang mendalam, kuat hafazannya dan menyelami makna-makna secara terperinci sebagaimana diakui oleh gurunya Imam al-Juwaini.

Imam al-Ghazali kekal berada di Naisabur sehinggalah gurunya Imam al-Haramain al-Juwaini wafat pada tahun 478 Hijrah. Kemudian beliau telah berpindah belajar di Mukhayyam al-Sultani yang

diasaskan oleh Nizam al-Muluk[4] sehingga tahun 484 Hijrah. Setelah itu beliau dilantik untuk mengajar sehingga di amanahkan sebagai Rektor di Madrasah al-Nizamiyyah di Baghdad.

Pada tahun 488 Hijrah, beliau meninggalkan Baghdad untuk mengerjakan haji dan kemudian menuju ke Syam dan menetap di sana selama 10 tahun. Kebanyakan masanya dihabiskan untuk beruzlah, *mujahadah nafs*, menyucikan hati dengan berzikir. Kemudian setelah itu beliau pulang ke al-Tus untuk menyambung uzlahnya di sana selama setahun.

Setelah mendapat desakan daripada pemimpin dan orang ramai agar beliau kembali mengajar, beliau telah pergi ke Naisabur untuk mengajar di Madrasah Nizamiyyah pada bulan Zul Qa'idah tahun 499 Hijrah. Namun beliau tidak lama berada di Naisabur untuk mengajar di sana. Beliau telah kembali ke rumahnya di al-Tus dan mengajar ilmu di sana.

---

[4] Nama sebenar beliau adalah al-Hasan bin Ali al-Tufiy (408-485H), seorang Menteri yang berilmu, tinggi budi pekertinya. Seawal dilantik oleh Amir Syakib Arsalan sebagai Menteri beliau telah menonjolkan kecemerlangan pentadbirannya selama sepuluh tahun sehinggalah kematiannya dan digantikan oleh anakandanya. Kematiannya ditangisi masyarakat yang pernah di bawah pentadbirannya.

Beliau banyak menghabiskan masanya dengan mengkhatamkan al-Quran, berdampingan dengan ulamak tasawuf, mengajar ilmu, sentiasa melaksanakan solat dan puasa sunat. Antara perkara terakhir yang sering dilakukan ketika hayatnya ialah membaca hadis-hadis Nabi dan melazimi ulamak hadis serta meneliti kitab sahih al-Bukhari dan Muslim

Imam al-Ghazali telah wafat pada hari Isnin, 14 Jumadal akhirah tahun 505 Hijrah. Semoga rohnya dirahmati Allah.

Karya penulisannya

Imam al-Zabidi telah menghitung karya-karya yang dihasilkan oleh Imam al-Ghazali iaitu lebih daripada 70 kitab. Sebanyak 23 daripada kitab tersebut telah dicetak.

Antara karya penulisan beliau yang terkenal ialah:

- *ar-Risālah al-Ladunniyyah;*
- *al-Munqidh Min ađ-Đalāl;*
- *Bidāyah al-Hidāyah;*
- *Minhāj al-‘Ābidīn;*
- *Mīzān al-'Amal;*
- *Kīmiyā' as-Sa'ādah;*
- *Misykāh al-Anwār;*
- *al-Wasīth*

- *al-Wajīz*
- *al-Mustasfā*
- *Tahzīb al-Ushul*
- *Iĥyā' 'Ulūmiddīn.*

Pujian dan sanjungan Ulamak terhadapnya :

Kebanyakan para ulamak meletakkan Imam al-Ghazali RH sebagai *mujaddid*[5] kurun kelima hijrah. Imam Murtadha al-Zabidi menyebutnya di dalam kitabnya *"Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi Syarh Ihya 'Ulum al-Din"*

Syeikh Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi dalam karyanya *"Rijal al-Fikr wa al-Dakwah fi al-Islam"* menyebut:

> *"Tidak syak lagi bahawa Imam al-Ghazali antara tonggak dan teras bagi Islam, beliau juga merupakan tokoh pemimpin pemikiran dan*

---

[5]*Mujaddid* : pembaru, adalah seseorang yang dihantar oleh Allah untuk memulihkan pengamalan agama yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah di kemuncak setiap kurun Hijrah. Fungsi mujaddid ini ialah untuk memulihkan kembali Islam, menghilangkan unsur-unsur yang telah ditokok tambah dan mengembalikannya kepada keadaan asli. Ini disebut dalam hadith: *"Allah akan mengutus kepada umat ini di setiap awal kurun seorang yang akan memperbaharui (atau memulihkan) urusan agama"* (Sunan Abu Daud) *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah,* al-Mufti al-Sayid Muhammad 'Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, hal. 195.

tokoh pembaharuan dan tajdid yang mempunyai kelebihan yang besar dalam membangkitkan roh agama, menggerakkan pemikiran berteraskan Islam, berdakwah kepada hakikat Islam dan akhlaknya serta menentang sebarang serangan pemikiran…"

بسم الله الرحمن الرحيم

Muqaddimah Imam al-Ghazali Rahimahullah

Segala puji bagi Allah, yang mentadbir sekalian alam dan selawat serta salam buat Nabi Muhammad serta seluruh ahli keluarganya.
Amma ba'd,

Boleh jadi kamu (para pembaca) akan mengatakan (memberi pandangan) bahawa ayat-ayat yang saya bawakan pada paparan (di dalam kitab ini) merangkumi (perbahasan) yang pelbagai dari segi ilmu–ilmu dan amalan-amalan, justeru (akan menimbulkan beberapa persoalan iaitu :)

- Adakah boleh hanya dengan membezakan maksudnya (ayat-ayat tersebut) dan huraian terhadap jumlah ayat-ayat tersebut secara terperinci dan mendalam dapat menjadikan seseorang itu berfikir terhadap setiap sesuatu daripada ayat-ayat tersebut seterusnya menjadikannya mengetahui secara terperinci pintu-pintu kebahagiaan dalam ilmu dan amal ?

- Adakah boleh seseorang itu mendapat dengan mudah kunci-kunci kebahagiaan dengan cara *mujahadah* dan berfikir ?

Maka, saya menjawab (persoalan tersebut); Ya, perkara tersebut adalah mungkin. Hal ini kerana penulisan kitab ini terbahagi kepada sejumlah tujuan ilmu-ilmu dan amalan-amalan. Amalan pula terbahagi kepada amalan zahir dan batin manakala amalan batin pula terbahagi kepada amalan penyucian (*tazkiyah*) serta amalan menghiaskan jiwa.

Oleh itu, (kitab ini mengandungi) empat bahagian iaitu (pertamanya) ilmu-ilmu, (keduanya) amalan-amalan zahir dan (ketiganya) akhlak tercela yang wajib bagi seseorang itu membersihkan daripadanya dan (keempatnya) akhlak terpuji yang wajib bagi seseorang itu menghiasi akhlak dengannya.

Setiap bahagian merujuk kepada sepuluh asas dan nama bagi pembahagian ini ialah: *"Kitab al-Arba'in fi Usuliddin*" (Kitab 40 Asas dalam Agama). Barangsiapa yang mahu menulisnya (bahagian-bahagian tersebut) secara berasingan, maka bolehlah berbuat demikian kerana sesungguhnya (kitab ini) merangkumi intipati ilmu-ilmu al-Quran.[6]

---

[6] Buku kecil ini hanya memfokuskan kepada 10 Asas-asas Aqidah sahaja daripada 40 Asas-asas Dalam Agama.

Bahagian Pertama :

Perbahasan yang menyatakan sejumlah ilmu-ilmu dan asas-asas dalam Aqidah

- Asas 1 : Zat Allah (*al-Zat*)
- Asas 2: Allah Maha Suci (*al-Taqdis*)
- Asas 3 : Allah Maha Berkuasa (*al-Qudrah*)
- Asas 4 : Allah Maha Mengetahui (*al-'Ilm*)
- Asas 5 : Allah Maha Berkehendak (*al-Iradah*)
- Asas 6 : Allah Maha Mendengar dan Melihat (*al-Sami' Wa al-Basir*)
- Asas 7 : Allah Maha Berkata-kata (*al-Kalam*)
- Asas 8 : Perbuatan Allah dan perlakuan makhluk (*al-Af'al*)
- Asas 9 : Hari Akhirat (*al-Yaum al-Akhir*)
- Asas 10 : Kenabian (*al-Nubuwwah*)

Asas Pertama
Zat Allah SWT

-الذَّات-

Asas Pertama
Zat Allah SWT

Kami (memulakan perbicaraan) dengan mengatakan : Segala puji bagi Allah SWT yang memperkenalkanNya kepada hambaNya melalui kitabNya yang diturunkan dalam bahasaNya yang diutuskan (kepada manusia) bahawa :

Allah itu Esa (*Wāhid*) pada zatNya iaitu tiada sekutu (*Syarik*) bagiNya.

Allah itu Tunggal (*Fardun*) iaitu tidak ada yang seumpama denganNya.

Allah itu tempat pergantungan (*Somad*) iaitu tidak ada yang dapat menandingiNya. Allah itu diEsa dan diAgungkan (*Mutawahhid*) tanpa ada yang dapat menyamai kedudukanNya.[7]

---

[7] Semua ini dapat dilihat di dalam surah Al-Ikhlas :

Allah itu bersifat *qadim* iaitu tidak ada baginya yang mendahuluiNya (dari segi kejadian).

Allah itu bersifat *azali* iaitu tidak ada bagiNya permulaan. Kewujudan Allah adalah berterusan (*mustamir*) iaitu tiada pengakhiran.

Allah itu bersifat kekal (*Abādi*) iaitu tiada kesudahan bagiNya, Maha Berdiri Sendiri (*Qayyūm*)[8] tanpa terhenti bagiNya, Maha Tetap (*Dāim*) tanpa terputus bagiNya, Sentiasa bersifat dengan sifat keagungan (*Jalāl*)

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ﴿٤﴾

1. Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa;
2. "Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat;
3. "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan;
4. "Dan tidak ada sesiapapun yang serupa denganNya".

[8] Ini juga jelas berdasarkan firmanNya;

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ

Maksudnya: *Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang tetap hidup, yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya).*

Surah al-Baqarah ayat 255

Bahkan Allah itu yang Maha Awal, Maha Akhir, Maha Zahir, Maha Batin dan Dia Maha Mengetahui atas setiap perkara.[9]

---

[9] Perenggan ini dan juga perbincangan mengenai *Qadim* juga jelas berdasarkan firman :

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْءَاخِرُ وَٱلظَّٰهِرُ وَٱلْبَاطِنُ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣﴾

Maksudnya: *Dia lah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dia lah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*

Surah al-Hadeed ayat 3

Asas Kedua
Allah Maha Suci

-التقديس-

Allah Maha Suci
(al-Taqdis)

Sesungguhnya Dia tidak memiliki jisim[10] yang dapat digambarkan. Dan tidak mempunyai *jauhar*[11] yang terbatas dengan sesuatu ukuran. Dan sesungguhnya Allah tidak serupa dengan benda-benda yang berjisim, tidak mempunyai ukuran tertentu dan tidak boleh dibahagikan kepada bahagian-bahagian tertentu.

Sesungguhnya Allah bukanlah *jauhar* yang dapat ditempatkan padanya segala jenis *jauhar* dan Dia bukanlah *'arad* [12] yang dapat ditempatkan

---

[10] Jisim dalam bahasa Melayu bermaksud jasad, badan, tubuh. Lihat Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), c.1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 540.

Jisim menurut kitab *Mausu'ah Mustolahat al-Tasawwuf al-Islamiy* ialah sesuatu yang terbina daripada juzuk-juzuk yang berselerakan. Dr. Rafiq al-'Ajamiy, hal. 248, Pustaka Lubnan, Beirut.

[11] *Jauhar* bermaksud sesuatu yang dapat berdiri dengan sendiri dan mempunyai had dan ukuran tertentu. *Mausu'ah Mustolahat al-Tasawwuf al-Islamiy,* Dr. Rafiq al-'Ajamiy, hal. 264 Pustaka Lubnan, Beirut.

[12] *'Arad* adalah intipati kepada Jauhar, yang merupakan suatu sifat yang mendatang atau terhasil daripada sesuatu kejadian

padanya segala jenis *'arad.* Bahkan Dia tidak menyerupai dengan sesuatu apa pun kewujudan dan tidak ada sesuatu pun daripada kewujudan yang dapat menyerupaiNya. Dan tidak ada seumpamaNya sesuatu apa pun dan Dia tidak serupa dengan apa pun.

Dan sesungguhnya Dia tidak terbatas dengan sesuatu ukuran, tidak terikat dengan sesuatu tempat, tidak dilingkungi dengan sesuatu arah dan tidak dinaungi dengan lapisan langit.Dan sesungguhnya Dia ber*istiwa'* [13] di *'Arasy* [14]

---

yang mempunyai warna, dapat disisbahkan kepadanya sesuatu sifat samada berbentuk pengetahuan, ukuran, masa dan tempat. *Mausu'ah Mustolahat al-Tasawwuf al-Islamiy,* hal. 636.

[13]*Istiwa'* ialah bersemayam – perlu merujuk perbahasan mengenai *istiwa'* dan 'Arasy di halaman 27-28.

[14] 'Arasy ialah merujuk kepada tempat Allah bersemayam, menurut al-Quran banyak tempat Allah Taala menyebutkan yang Allah Taala bersemayam di atas 'Arasy antaranya :

1. Surah al-Furqan ayat 59 – lihat halaman 27.
2. Surah ar-Ra'd ayat 3 – lihat halaman 28.
3. Surah al-A'raf ayat 54

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ

ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ يَطْلُبُهُۥ حَثِيثًا وَٱلشَّمْسَ

وَٱلْقَمَرَ وَٱلنُّجُومَ مُسَخَّرَٰتٍۭ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ أَلَا لَهُ ٱلْخَلْقُ وَٱلْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Dia bersemayam di atas Arasy; Dia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti) dan (Dia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintahNya. ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam.*

4. Surah Yunus ayat 3

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ ۖ

Maksudnya: *Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa kemudian Dia bersemayam di atas ‘Arasy mentadbirkan segala urusan.*

5. Surah Taha ayat 5

ٱلرَّحْمَٰنُ عَلَى ٱلْعَرْشِ ٱسْتَوَىٰ ﴿٥﴾

Maksudnya: *Iaitu (Allah) ar-Rahman, yang bersemayam di atas ‘Arasy.*

6. Surah al-Sajdah ayat 4

berdasarkan firmanNya dalam al-Quran,[15] mengikut makna yang Dia kehendaki iaitu *istiwa'* yang terpelihara daripada maksud bersentuhan, menetap dan berada di suatu tempat serta

---

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ

Maksudnya: *Allah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy;…*

7. Surah al-Hadid ayat 4

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۚ

Maksudnya: *Dia lah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy…*

[15] Firman Allah Ta'ala dalam surah al-Furqan ayat 59 :

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۚ

Maksudnya: *Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy.*

bergerak dan berpindah dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.

‘Arasy tidak menanggung dan memikul Allah bahkan *‘Arasy* dan para malaikat yang menanggung Arasy dipikul dengan kekuasaanNya. Kesemua itu berada dibawah penguasaanNya.[16]

Dan Allah itu Maha Tinggi mengatasi *‘Arasy* dan mengatasi setiap sesuatu sehingga mengatasi keluasan bintang, bahkan jarak antara *‘Arasy* dan langit amat dekat bagiNya. Dan Dia Maha Tinggi

---

[16] Surah Faathir ayat 41 menjelaskan perkara ini:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ يُمۡسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ أَن تَزُولَاۚ وَلَئِن زَالَتَآ إِنۡ أَمۡسَكَهُمَا مِنۡ أَحَدٖ مِّنۢ بَعۡدِهِۦٓۚ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورٗا ﴿٤١﴾

Maksudnya; *Sesungguhnya Allah menahan dan memelihara langit dan bumi supaya tidak berganjak dari peraturan dan keadaan yang ditetapkan baginya; dan jika keduanya (ditakdirkan) berganjak maka tidak ada sesiapapun yang dapat menahannya daripada berlaku demikian selain dari Allah. Sesungguhnya Dia Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun.*

darjatNya berbanding *‘Arasy* sebagaimana Dia Maha Tinggi darjatNya daripada kedudukan bumi.[17]

---

[17]Surah ar Ra'd ayat 3 menegaskan kekuasaan Allah sebagai pencipta alam semesta dan bukannya penanggung Arash atau pelaku kerja;

وَهُوَ ٱلَّذِى مَدَّ ٱلۡأَرۡضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنۡهَـٰرً۬اۖ وَمِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِۖ يُغۡشِى ٱلَّيۡلَ ٱلنَّهَارَۚ إِنَّ فِى ذَٲلِكَ لَأَيَـٰتٍ۬ لِّقَوۡمٍ۬ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya; *Dan Dia lah yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). Dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, Dia jadikan padanya pasangan: dua-dua. Dia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir.*

Ini dikukuhkan lagi dengan ayat 61 surah al-An’am

وَهُوَ ٱلۡقَاهِرُ فَوۡقَ عِبَادِهِۦۖ وَيُرۡسِلُ عَلَيۡكُمۡ حَفَظَةً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَكُمُ ٱلۡمَوۡتُ تَوَفَّتۡهُ رُسُلُنَا وَهُمۡ لَا يُفَرِّطُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya; *Dan Dia lah yang berkuasa atas sekalian hambaNya; dan ia mengutuskan kepada kamu pengawal-pengawal (malaikat yang menjaga dan menulis Segala yang kamu lakukan), sehingga apabila sampai ajal maut kepada*

Walaupun sedemikian darjatNya, Dia sangat dekat dengan segala makhluk ciptaanNya. Dia lebih hampir dengan hamba-hambaNya berbanding dekatnya seseorang itu dengan urat lehernya sendiri.[18] Dan Dia Maha Menyaksikan (*Syahid*) atas setiap sesuatu.

Justeru tidaklah sama keadaanNya yang dekat dengan hamba-hambaNya seperti dekatnya jarak antara sesuatu jisim sebagai mana juga tidak sama zatNya seperti zat sesuatu jisim.

Dan sesungguhnya Dia tidak bertempat pada sesuatu, dan tidak ada sesuatu yang bertempat padaNya. Maha Tinggi Allah daripada berhajat kepada sesuatu tempat, sebagaimana Maha Suci

---

salah seorang di antara kamu, lalu diambil (nyawanya) oleh utusan-utusan Kami (malaikat); sedang mereka pula (malaikat itu) tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya).

[18] Ini dinyatakan di dalam firmanNya, surah Qaaf ayat 16;

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِۦ نَفْسُهُۥ ۖ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ ٱلْوَرِيدِ ﴿١٦﴾

Maksudnya; *Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya.*

Allah daripada terikat dengan batasan masa kerana Allah itu wujud sebelum Dia menciptakan masa dan tempat. Dan kewujudan Allah sekarang adalah sama sebagaimana kewujudanNya dahulu.

Dan sesungguhnya Dia dengan sifat-sifatNya adalah berbeza dengan sifat-sifat makhlukNya. Tidak ada zat seperti zatNya melainkan Dia sahaja dan tidak ada pada selainNya zat seperti zatNya.[19] Dan sesungguhnya Dia Maha Suci daripada sebarang perubahan dan perpindahan. Segala perkara-perkara baharu (*hawadith*) dan sifat-sifat mendatang (*'awarid*) yang merupakan sifat makhluk tidak terdapat padaNya.

---

[19] Firman Allah dalam menegaskan perkara ini :

وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدُۢ ﴿٤﴾

Maksudnya; "*Dan tidak ada sesiapa pun yang serupa denganNya".*

Surah al-Ikhlas ayat 4.

لَيۡسَ كَمِثۡلِهِۦ شَيۡءٞۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡبَصِيرُ ﴿١١﴾

Maksudnya; *Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.*

Bahkan Dia sentiasa bersifat dengan sifat keagunganNya dan terpelihara daripada sebarang kekurangan. Dan pada sifat kesempurnaanNya tidak memerlukan kepada sebarang pertambahan bagi mendapatkan sifat kesempurnaan.

Dan sesungguhnya zatNya dapat diketahui kewujudanNya dengan akal. ZatNya dapat dilihat dengan penglihatan yang merupakan nikmat daripadaNya dan belas ihsan terhadap golongan hamba-hambaNya yang baik ketika berada di alam akhirat.[20] Dan bagi menyempurnakan lagi nikmat

---

[20] Manusia tidak mampu melihat zat Allah SWT di alam dunia, melainkan di akhirat sebagai nikmat Allah kepada hamba-hambanya. Hayatilah kisah Nabi Musa AS tatkala memohon untuk melihat Allah Azza wajalla maka Allah berfirman kepadanya:

وَلَمَّا جَآءَ مُوسَىٰ لِمِيقَٰتِنَا وَكَلَّمَهُۥ رَبُّهُۥ قَالَ رَبِّ أَرِنِىٓ أَنظُرْ إِلَيْكَ ۚ قَالَ لَن تَرَىٰنِى وَلَٰكِنِ ٱنظُرْ إِلَى ٱلْجَبَلِ فَإِنِ ٱسْتَقَرَّ مَكَانَهُۥ فَسَوْفَ تَرَىٰنِى ۚ فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُۥ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُۥ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا ۚ فَلَمَّآ أَفَاقَ قَالَ سُبْحَٰنَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤٣﴾

Maksudnya; *Dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu, dan Tuhannya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaKu (ZatMu Yang*

Allah kepada hamba-hambaNya di akhirat nanti ialah nikmat dapat melihat Allah yang Maha Mulia.[21]

Maha Suci) supaya Aku dapat melihatMu". Allah berfirman: "Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke Gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, nescaya Engkau akan dapat melihatKu", setelah Tuhannya "Tajalla" (menzahirkan kebesarannya) kepada Gunung itu, (maka) "TajalliNya" menjadikan Gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pengsan. setelah ia sedar semula, berkatalah ia: "Maha suci Engkau (Wahai Tuhanku), Aku bertaubat kepadaMu, dan Akulah orang yang awal pertama beriman (pada zamanku)

Surah al-A'raf ayat 143.

[21] Nikmat kepada golongan mukmin ini dinyatakan di dalam surah al-Qiyamah ayat 22-23;

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

Maksudnya; *Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri; melihat kepada Tuhannya.*

عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ يَنظُرُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya; *Sambil mereka berehat di atas pelamin-pelamin (yang berhias), serta melihat hal yang berlaku ke atas musuhnya.*

al-Muthaffifin ayat 35

Hadis Abu Hurairah menyatakan berikut:

أَن النَّاسَ قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ، هَلْ نَرَى رَبَّنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ؟ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ صلى الله عليه وسلم: هَلْ تُضَارُّوْنَ فِي الْقَمَرِ لَيلَةَ الْبَدْرِ ؟ قَالُوْا: لاَ يَا رَسُوْلَ اللهِ. قَالَ : فَهَلْ تُضَارُّوْنَ فِي الشَّمْسِ لَيْسَ دُوْنَهَا سَحَابٌ؟ قَالُوْا: لاَ يَا رَسُوْلَ اللهِ. قَالَ : فَإِنَّكُمْ تَرَوْنَهُ كَذَلِكَ...الحديث.

Sesungguhnya para sahabat bertanya,
"Wahai, Rasulullah. Apakah kami akan melihat Rabb kami pada hari kiamat nanti?"
Rasulullah SAW bertanya kembali, *"Apakah kalian akan mengalami bahaya (kerana berdesak-desakan) ketika melihat bulan pada malam purnama?"*
Mereka menjawab, "Tidak, wahai Rasulullah."
Baginda bertanya lagi, "Apakah kalian juga akan mengalami bahaya ketika melihat matahari yang tanpa diliputi oleh awan?"
Mereka menjawab, "Tidak, wahai Rasulullah."
*Maka Baginda bersabda, "Sesungguhnya, begitu pula ketika kalian nanti melihat Rabb kalian"…*sampai akhir hadis.

Hadis riwayat Bukhari dalam Sahihnya, no. 7437.

Manakala golongan tidak beriman tidak mendapat nikmat

كَلَّآ إِنَّهُمۡ عَن رَّبِّهِمۡ يَوۡمَئِذٖ لَّمَحۡجُوبُونَ ۝١٥

Jangan lagi mereka (orang-orang kafir itu) berlaku demikian! (kalau tidak), mereka pada hari itu, terdinding (dari rahmat melihat) Tuhannya.

Surah al-Mutaffifin ayat 15.

Asas Ketiga

Allah Maha Berkuasa

-الْقُدْرَةُ-

Asas Ketiga : Allah Maha Berkuasa *(al-Qudrah)*

Sesungguhnya Allah Maha Hidup (*Haiy*), Maha Berkuasa (*Qādir*), Maha Perkasa (*Jabbar*) dan Maha Penakluk (*Qāhir*)[22]. Tidak terdapat padaNya segala kekurangan (*Qusur*) dan kelemahan (*'Ajuz*). Dan Dia tidak pernah mengantuk (*Sinah*) dan tidur (*Naum*) [23] serta tidak akan terkena padaNya sebarang kebinasaan (*Fana'*) dan kematian (*Maut*).

---

[22] Ini terdapat dalam firmanNya :

وَهُوَ ٱلۡقَاهِرُ فَوۡقَ عِبَادِهِۦۚ

Maksudnya;.. *dan Dia lah yang berkuasa atas sekalian hambaNya (dengan tadbir dan takdir).*

Surah al-An'am ayat 18

[23] Ini juga jelas berdasarkan firmanNya :

لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ

Sesungguhnya Dia pemilik kerajaan alam nyata (*al-Mulk*) dan alam ghaib (*al-Malakut*), pemilik segala kemuliaan (*al-'Izzah*) dan keperkasaan (*al-Jabarut*). BagiNya segala kekuasaan (*Qudrah*), pemerintahan (*Sultan*), penguasaan (*Qahr*), penciptaan (*Khalq*) dan arahan (*Amr*).[24]

Segala langit dilipat dan digulung dengan kekuasaanNya manakala seluruh makhluk sentiasa berada di bawah penguasaanNya.

Maksudnya; *Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi.*

Surah al-Baqarah ayat 255

[24] Keseluruhan ayat 61 surah al-An'am menggambarkan perenggan ini :

وَهُوَ ٱلۡقَاهِرُ فَوۡقَ عِبَادِهِۦۖ وَيُرۡسِلُ عَلَيۡكُمۡ حَفَظَةً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَكُمُ ٱلۡمَوۡتُ تَوَفَّتۡهُ رُسُلُنَا وَهُمۡ لَا يُفَرِّطُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya: *Dan Dia lah yang berkuasa atas sekalian hambaNya; dan Dia mengutuskan kepada kamu pengawal-pengawal (malaikat yang menjaga dan menulis segala yang kamu lakukan), sehingga apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara kamu, lalu diambil (nyawanya) oleh utusan-utusan Kami (malaikat); sedang mereka pula (malaikat itu) tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya).*

Sesungguhnya Dia Tunggal dalam mencipta dan membuat sesuatu, Esa dalam mewujud dan mengadakan sesuatu.[25]

Dia yang mencipta makhluk dan turut menciptakan perbuatan mereka. Dia yang menentukan kadar rezeki makhluknya dan tempoh ajal mereka.[26]

---

[25] Surah al-Hasyr memaparkan situasi ini :

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَـٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَـٰدَةِ ۖ هُوَ ٱلرَّحْمَـٰنُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْمَلِكُ ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَـٰمُ ٱلْمُؤْمِنُ ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ ٱلْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَـٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾

Maksudnya; *Dia lah Allah, yang tidak ada tuhan melainkan dia; yang mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata; Dia lah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.*
Dia lah Allah, yang tidak ada tuhan melainkan Dia; yang Menguasai (sekalian alam); yang Maha Suci; yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan); yang Maha Melimpahkan Keamanan; yang Maha Mengawal serta Mengawas; yang Maha Kuasa; yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); yang Melengkapi Segala KebesaranNya. Maha suci Allah dari segala yang mereka sekutukan denganNya.

[26] Surah an-Nisa' ayat 78 ;

أَيْنَمَا تَكُونُوا۟ يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِى بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ

Tidak hilang daripada pengawasannya walau satu daripada ketentuanNya, Tidak lenyap daripada kekuasaanNya segala urusan dan tidak terhitung segala perkara yang ditentukanNya serta tidak terbatas segala apa yang diketahuiNya.

Yang bermaksud; *di mana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh.*

Asas Keempat

Allah Maha Mengetahui

-العِلم-

Asas Keempat: Allah Maha Mengetahui *(al-‘Ilm)*

Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui (*‘Alim*)[27] ke atas setiap sesuatu, IlmuNya meliputi segala apa yang berlaku di bumi sehingga sampai ke langit yang paling tinggi. [28]

---

[27] Ini juga jelas berdasarkan firmanNya :

عَٰلِمُ ٱلۡغَيۡبِ فَلَا يُظۡهِرُ عَلَىٰ غَيۡبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾ إِلَّا مَنِ ٱرۡتَضَىٰ مِن رَّسُولٖ فَإِنَّهُۥ يَسۡلُكُ مِنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ رَصَدٗا ﴿٢٧﴾

Maksudnya: *"Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Dia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuiNya itu kepada sesiapapun,* -

"*Melainkan kepada mana-mana Rasul yang di redaiNya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian)"*

Surah al-Jinn ayat 26-27

[28] Ini juga disebut di dalam surah al-Jatsiah ayat 36 :

فَلِلَّهِ ٱلۡحَمۡدُ رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَرَبِّ ٱلۡأَرۡضِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٣٦﴾

Tidak tersembunyi daripada ilmuNya walau perkara itu adalah sebesar dan seberat zarah sama ada di bumi atau di langit. Bahkan Dia mengetahui tentang perihal semut hitam yang melata di atas batu hitam pada malam yang gelap dan Dia mengetahui segala pergerakan zarah-zarah yang berlaku di dalam ruang udara.[29]

Maksudnya: *Maka bagi Allah jualah tertentu segala pujian, Tuhan yang mentadbirkan langit, dan Tuhan yang mentadbirkan bumi, - Tuhan sekalian alam.*

[29] Inilah I'tiqad Ahlu as-Sunnah Wal Jama'ah berdasarkan firman :

۞ وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ۚ وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۚ وَمَا تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِى ظُلُمَـٰتِ ٱلْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِى كِتَـٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

Maksudnya: *Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuiNya melainkan Dia lah sahaja; dan ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata.*

Surah al-An'am ayat 59.

Dan Allah mengetahui segala rahsia dan perkara yang tersembunyi, menyingkap segala yang tersirat di dalam hati,[30] segala yang terlintas dalam fikiran dan segala-galanya yang tersembunyi dengan ilmuNya yang *qadim* dan *azali.* Dan Dia sentiasa bersifat Maha Mengetahui sejak *azali* dan bukannya mengetahui dengan ilmu baharu yang terhasil daripada daya upaya (ujikaji) dan perpindahan maklumat.[31]

---

[30] Maha Luas ilmuNya meliputi segalanya. Tidak ada apa pun yang boleh menyembunyikan sesuatu daripada pengetahuannya walaupun sebesar zarah sekalipun sama ada ia berada di bumi atau di langit. Firman Allah dalam surah al-Mukmin ayat 19 :

يَعْلَمُ خَآئِنَةَ ٱلْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِى ٱلصُّدُورُ ﴿١٩﴾

Maksudnya; *"Allah mengetahui pengkhianatan (penyelewengan dan ketiadaan jujur) pandangan mata seseorang, serta mengetahui akan apa yang tersembunyi di dalam hati."*

[31] Firman Allah dalam Surah al-An'am: 59.

۞ وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ۚ

Maksudnya: *"Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada siapa yang mengetahuinya melainkan Dia sahaja."*

Dalam menghuraikan ayat ini, Ibnu Kathir telah menyatakan satu hadis daripada Imam Bukhari yang meriwayatkan daripada Salim bin Abdilllah, daripada ayahnya bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud,
"*Sesungguhnya anak kunci segala perbendaharaan itu ada lima, tidak mengetahui seseorang pun melainkan Allah SWT*."

Lalu Baginda membaca firman Allah

إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥ عِلْمُ ٱلسَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ ٱلْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْأَرْحَامِ ۖ وَمَا تَدْرِى نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا ۖ وَمَا تَدْرِى نَفْسٌۢ بِأَىِّ أَرْضٍ تَمُوتُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌۢ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya di sisi Allah jualah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dialah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seorang pun yang betul-betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati, Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui, Lagi Amat Meliputi Pengetahuannya."*

Surah Luqman ayat 34

Asas Kelima
Allah Maha Berkehendak

–الإِرَادَة–

Asas Kelima : Allah Maha Berkehendak *(al-Iradah)*

Dan sesungguhnya Allah Maha Berkehendak ke atas segala yang diwujudkan dan Maha Pentadbir ke atas segala makhluk ciptaanNya.

Tidak ada yang terjadi di alam *Mulk* [32] dan *Malakut*,[33] baik sedikit mahupun banyak, yang kecil

---

[32]Alam *Mulk* ialah alam yang dapat dilihat dengan mata atau pancaindera fizikal. Ia merangkumi alam yang dapat dilihat dengan mata fizikal manusia dan juga alam yang dapat diterokai dengan penggunaan alatan. Maka ianya melebar luas meliputi seluruh alam semesta yang berfizik meskipun jauhnya hingga ke bilangan Metagalaxy, Teragalaxy dan sebagainya, sehingga sampai kepada yang tanpa batas (*infinity*).. Alam *Mulk* ini juga hanya boleh berinteraksi dengan roh jasadi. Keseluruhan Alam *Mulk* ini ialah alam yang di bawah pentadbiran Allah. Manakala Alam *Malakut* ialah alam yang hanya dapat dilihat dengan mata hati atau alam metafizik. Tidak dapat diduga dengan panca indera manusiawi. (lihat huraian lebih di notakaki 33 – erti *malakut*)

[33] Menurut Imam al-Ghazali dari semua realiti yang ada, secara bentuk ada dua bahagian iaitu; empirikal atau alam inderawi (*'alam al-syahadah)* dan metafizik atau alam mata hati (*'alam al-malakut atau 'alam al-ghaib)*. Kita boleh membandingkan antara dua alam ini seperti kulit dengan

mahupun yang besar, yang baik mahupun yang buruk, yang bermanfaat mahupun yang berbahaya, beriman atau kafir, berilmu atau bodoh, bahagia atau sengsara, bertambah atau berkurang, taat atau maksiat, melainkan dengan *qadha'* dan *qadar* Allah, serta dengan kebijaksanaan dan kehendakNya.

Apa yang dikehendakiNya pasti terjadi, dan apa yang tidak dikehendakiNya, pasti tidak akan terjadi. Tidak keluar dari kehendakNya lirikan orang yang melihat dan kesalahan orang yang berfikir. Bahkan, Dialah yang menciptakan dan mengem-balikan. Yang melakukan apa yang dikehendakiNya. Tidak ada yang dapat menolak kebijaksanaanNya. Tidak ada yang boleh memberi alasan terhadap ketetapanNya.

---

isinya, bentuk luar sesuatu dengan ruhnya, kegelapan dengan cahaya, atau kerendahan dengan ketinggian. Alam *malakut* disebut alam atas, alam ruhani dan alam nurani, sementara alam s*yahadah* adalah alam bawah, alam jasmani, dan alam gelap. Lihat dalam *Misykat al-Anwar,* dalam *Majmu'ah Rasail (*Beirut: Dar al-Fikr, 1996), hlm. 273. Lihat juga *Mu'jam al-Ta'rifat*, al-Jurjaniy,Tahqiq Muhammad Sadiq al-Minsyawiy, Darul Fadilah, halaman 192.

Kesimpulannya, alam *malakut* ialah alam yang hanya dapat dilihat dengan mata hati atau alam metafizik. Tidak dapat diduga dengan panca indera manusiawi.

Tidak ada tempat mengelak dan melarikan diri bagi seseorang daripada melakukan maksiat kepadaNya kecuali dengan pertolongan dan rahmat-Nya.[34] Tidak ada daya bagi seseorang untuk mentaatiNya kecuali dengan pertolongan dan kehendakNya.

Seandainya manusia, jin, malaikat dan syaitan berkumpul untuk menggerakkan atom di alam ini, atau menghentikan gerakannya, tanpa kehendak dan peraturan Allah, nescaya mereka tidak akan berdaya untuk melakukan perkara tersebut. Sesungguhnya kehendak Allah tegak dengan ZatNya dalam kesemua sifat-sifatNya.

---

[34] Ini dapat kita lihat dalam kisah Nabi Yusuf AS, ayat 24 surah Yusuf.

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِۦ ۖ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَآ أَن رَّءَا بُرْهَـٰنَ رَبِّهِۦ ۚ كَذَٰلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلْفَحْشَآءَ ۚ إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُخْلَصِينَ

Maksudnya: *Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah dia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir kami) untuk menjauhkan dari Yusuf perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana sesungguhnya dia dari hamba-hamba Kami yang dibersihkan dari segala dosa.*

Dia sentiasa memiliki sifat berkehendak. Berkehendak dalam keabadianNya dalam mewujudkan sesuatu pada waktu-waktunya sesuai yang dikehendakiNya pada zaman *azali*, tanpa mendahului dan terlambat. Akan tetapi, terjadi sesuai dengan ilmu dan kehendakNya, tanpa penggantian dan perubahan.

Dia mengatur urusan tanpa menertibkan pemikiran dan menunggu waktu. Oleh kerana itu, Kehendak yang satu tidak menyibukkanNya dari Kehendak yang lain.

Ketahuilah, sesungguhnya masalah ini tempat tergelincirnya kaki. Sungguh, ramai orang telah tergelincir kaki dalam masalah ini, kerana sesungguhnya kesempurnaan alasannya diambil dari samudera tauhid yang luas. Sedangkan mereka mencarinya dengan kajian dan perdebatan. Rasulullah SAW. telah bersabda:

مَاضَلَّ قَوْمٌ بَعْدَ هُدًى كَانُوا عَلَيْهِ إِلاَّ أُوتُوا الْجَدَلَ

Maksudnya *:"Tidaklah suatu kaum menjadi sesat setelah datangnya petunjuk, kecuali setelah mereka disibukkan oleh perdebatan."*[35]

[35]Hadis riwayat Ibnu Majah dan at-Tirmizi. Berkata Imam at-Tirmizi : Hadis ini adalah hasan sahih.

Mereka menggunakan ayat al-Quran sebagai dalil dan mentakwilkannya, padahal mereka bukanlah ahli takwil. Seandainya setiap orang boleh mencapai kemampuan menakwilkan, tentu Nabi SAW tidak perlu mendoakan Ibnu Abbas RA. :

(اَللَّهُمَّ فَقِّهْهُ فِي الدِّينِ وَعَلِّمْهُ التَّأْوِيْلَ)

Ertinya:*"Ya Allah, fahamkanlah dia dalam masalah agama dan ajarlah takwil kepadanya."*[36]

Nabi Ya'qub AS juga tidak akan berkata kepada Nabi Yusuf AS :

وَكَذَٰلِكَ يَجْتَبِيكَ رَبُّكَ وَيُعَلِّمُكَ مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ

“Dan demikianlah caranya Tuhanmu memilihmu, dan akan mengajarmu ta’bir mimpi.”

Surah Yusuf ayat 6.

Penyusun kitab *al-Kashaf*[37] di dalam tafsirnya

---

[36] Hadis riwayat Imam al-Bukhari tanpa lafaz وعلمه التأويل. Lafaz ini adalah tambahan dalam riwayat Imam Ahmad, Ibnu Majah dan al-Hakim. Dan al-Hakim berkata : Sahih Isnad.

[37]Kitab *al-Kasyaf* ditulis oleh Imam Zamakhsyari Abul Qasim Mahmud bin Amru bin Ahmad Jarullah al-Khawarizmi lahir pada tahun 467 hijrah, berbangsa Turkmenistan. Beliau adalah seorang ulama besar yang menguasai pelbagai ilmu seperti tafsir, hadis, nahu, bayan, fiqh dan lain-lain. Bermazhab Muktazilah pada peringkat awalnya kemudian bertaubat dan bersama dengan Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

mengatakan: "Yang dimaksudkan *takwil* di sini adalah bermakna Kitabullah dan sunnah para Nabi ‘Alaihimus Salam, serta apa yang tidak jelas bagi manusia, berupa tujuan dan maksudnya”. Dia menafsirkan dan menjelaskan perkara itu kepada mereka, dan menunjukkan hikmah-hikmah yang tersimpan di dalamnya. Banyak langkah yang terserandung dalam makam (peringkat) ini disebabkan kerana mereka mengikut langkah orang-orang yang mengikut ayat-ayat yang *mutasyabihat* (samar) untuk menimbulkan fitnah dan mencari takwilnya.

Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya kecuali Allah dan orang-orang yang mendalam ilmunya. Sedangkan mereka bukanlah termasuk orang-orang yang mendalam ilmunya, bahkan mereka adalah orang-orang yang dangkal ilmunya dan lemah. Disebabkan oleh kedangkalan ilmu tersebut, mereka tidak mampu untuk memerhatikan hakikat masalah.

Maka, kendalikanlah diri kamu dari sesuatu yang kamu tidak mampu untuk menyelami dalamnya lautan yang luas bersama orang-orang yang dangkal ilmunya. Dikatakan kepada mereka : "Diamlah kamu! Bukan untuk ini kamu diciptakan.”

Firman Allah SWT :

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ia tidak boleh ditanya tentang apa yang ia lakukan, sedang merekalah yang akan ditanya kelak.

Surah al-Anbiya' ayat 23

Dari Abu Hurairah RA, dia berkata: "Rasulullah SAW. keluar dari rumahnya menemui kami, sedangkan kami masih berselisih tentang masalah *qadar* (takdir). Maka, Nabi SAW. marah sehingga wajahnya yang mulia menjadi merah.

Baginda bersabda,

أَبِهَذَا أُمِرْتُمْ أَمْ بِهَذَا أُرْسِلْتُ إِلَيْكُمْ إِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ حِينَ تَنَازَعُوا فِي هَذَا الأَمْرِ عَزَمْتُ عَلَيْكُمْ أَلاَّ تَتَنَازَعُوا فِيهِ

"Apakah untuk ini kamu diperintahkan? atau untuk inikah aku diutus kepada kamu? Sesungguhnya kebinasaan orang-orang sebelum kamu adalah saat mereka memperselisihkan masalah ini. Aku telah menetapkan kepada kamu, aku telah menetapkan kepada kamu (Baginda mengulangi sebanyak dua kali), hendaklah kamu tidak saling berselisih tentangnya (takdir)."[38]

[38]Hadis riwayat Tirmizi, tarafnya hasan.

Dari Abu Ja'far, dia berkata: "Aku berkata kepada Yusuf bin Abid, Aku melewati suatu kaum yang saling berselisih dalam masalah *qadar* (takdir). Dia berkata,

“*Seandainya mereka sibuk memikirkan dosa-dosa yang mereka lakukan, nescaya mereka tidak akan berselisih dalam masalah qadar. Maka relung hati sebahagian mereka dipenuhi cahaya yang berasal dari cahaya Allah. Minyaknya jernih sehingga hampir menerangi walaupun tidak disentuh oleh api. Kemudian menyalalah cahaya di atas cahaya. Kemudian berbagai penjuru alam malakut menjadi terang di hadapan mereka dengan cahaya Tuhannya. Lalu mereka pun memahami segala urusan sebagaimana adanya.*"

Dikatakan kepada mereka: "*Beradablah dengan adab Allah dan berdiamlah. Apabila disebut mengenai qadar, maka hendaklah kamu menahan diri*!" Ketika Umar RA. ditanya tentang *qadar*, dia juga bersikap menahan diri. Lalu dia berkata kepada si penanya: "*Ia adalah lautan yang dalam, janganlah kamu menyelaminya!"* Saat pertanyaan tersebut diulangi, Umar menjawab: *"Ia adalah jalan yang gelap, janganlah kamu melaluinya!"* Semasa dia didesak untuk kali yang ketiganya, Umar menjawab: "*Itu adalah rahsia Allah. Dia telah menyamarkannya bagimu. Maka, janganlah kamu menelitinya*."

Barang siapa yang menginginkan pengetahuan tentang rahsia alam *malakut*, maka hendaklah dia menetap di pintu orang-orang soleh itu dengan cinta, keikhlasan, kejujuran, berpaling dari musuh-musuh mereka, menjalankan perintah dan melaksanakan apa yang mendatangkan keredhaan mereka.

Demikian pula, barang siapa yang menginginkan pengetahuan tentang rahsia ketuhanan, maka hendaklah dia menetap di pintu Allah dengan cinta dan keikhlasan, kejujuran dan pengagungan, rasa malu dan menjalankan perintah, menjauhi kemaksiatan, bersungguh-sungguh dan menerima dengan senang hati dan mencari kurnia Allah.

Nabi SAW. bersabda:

إِنَّ لِرَبِّكُمْ فِي أَيَّامِ دَهْرِكُمْ نفَحَاتٌ، ألا فَتعَرَّضُوا لَهَاَ

"*Sesungguhnya Tuhanmu memiliki berbagai kurnia pada hari-hari tertentu dalam masamu yang panjang. Ingatlah, carilah ia!*" [39] Dengan melakukan usaha yang diredhai Allah.

Barang siapa yang tidak mampu untuk melakukan itu, maka dia hendaklah berkeyakinan

---

[39] Hadis riwayat al-Hakim, at-Tirmizi dan at-Thabrani, sanadnya hasan.

seperti yang dipegang oleh Abu Hanifah RA. dan murid-muridnya saat mengatakan: "*Kewujudan kemampuan dalam diri seorang hamba adalah perbuatan Allah. Sedangkan menggunakan kemampuan itu adalah perbuatan hamba. Ini hakiki, bukan kiasan*."

Golongan Qadariah mengingkari adanya takdir Allah. Mereka memandang bahawa baik dan buruk asalnya adalah dari diri mereka sendiri. Dengan begitu mereka bermaksud menyucikan Allah dari melakukan kezaliman dan keburukan. Akan tetapi, mereka keliru kerana telah menisbahkan kelemahan kepada Allah SWT. dalam hal tersebut, sedangkan mereka tidak menyedarinya.

Golongan Jabariah berpegangan pada *qadha'*. Mereka memandang bahawa baik dan buruk adalah berasal dari Allah, serta tidak melihat adanya perbuatan dari diri mereka, sebagaimana mereka tidak melihat perbuatan dari benda-benda mati. Dengan begitu mereka bermaksud menyucikan Allah dari ketidakmampuan. Akan tetapi, mereka terkeliru kerana telah menyandarkan kezaliman kepada Allah SWT.

Dalam hal tersebut, mereka juga menyesatkan orang-orang bodoh dari kalangan

mereka. Orang-orang bodoh itu bermaksiat kepada Allah dan menganggap perbuatan itu berasal dari ketentuan-Nya, lalu mereka menganggap terlepas diri dari celaan, sebagaimana syaitan mengatakan :

قَالَ فَبِمَآ أَغۡوَيۡتَنِى لَأَقۡعُدَنَّ لَهُمۡ صِرَٰطَكَ ٱلۡمُسۡتَقِيمَ

Iblis berkata: "Oleh kerana Engkau (Wahai Tuhan) menyebabkan daku tersesat (maka) demi sesungguhnya aku akan mengambil tempat menghalangi mereka (dari menjalani) jalanMu yang lurus.

Surah al-A’raf ayat 16

Qadariah pula meyakini adanya *ikhtiyar* (kebebasan memilih) menyeluruh bagi seorang hamba dalam semua perbuatannya dan menolak *qadha’* dan *qadar* Allah scara menyeluruh pula. Adapun Jabariyah menafikan *ikhtiyar* secara menyeluruh dalam perbuatan seorang hamba dan menyandarkannya pada *qadha’* dan *qadar*. Jika anda bertemu mereka, cubalah pukul mereka, koyaklah baju dan serban mereka, cakar wajah mereka, serta cabuti rambut, misai dan janggut mereka, lalu berdalihlah dengan alasan orang-orang bodoh itu, bahawa semua perbuatan itu berasal dari ketentuan Allah.

Mu`tazilah meyakini hanya keburukan sahaja yang berasal dari diri mereka, dan meyakini bahawa diri mereka memiliki kebebasan memilih secara menyeluruh (selain perbuatan buruk) demi menjaga agar tidak menyandarkan keburukan dan kezaliman kepada Allah. Akan tetapi, mereka telah menyandarkan kelemahan kepada Allah, sedangkan mereka tidak menyedarinya. Maha Tinggi Allah dari hal tersebut dengan keagungan yang besar.

Adapun Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah, pandangannya berada di pertengahan antara mereka. Ahl al-Sunnah tidak menyangkal sama sekali adanya *ikhtiyar* dari diri mereka dan tidak meniadakan *qadha'* dan *qadar* Allah SWT. secara menyeluruh pula. Akan tetapi, mereka mengatakan:

"Perbuatan seseorang dari satu sisi ditentukan Allah, dan dari sisi lain berasal dari ikhtiyarnya. Dan seseorang mempunyai peranan dalam mewujudkan perbuatannya."

Ketahuilah bahawa *qadha'* (ketetapan) Allah SWT. ada empat jenis iaitu : ketetapan taat, ketetapan maksiat, ketetapan nikmat dan ketetapan berupa kesulitan dan kesukaran.

Pandangan yang lurus dalam menyingkap ketetapan Allah tersebut adalah: apabila seseorang ditentukan melakukan ketaatan, maka dia harus menyikapnya dengan bersungguh dan keikhlasan sehingga dimuliakan oleh Allah dengan taufiq dan hidayah, berdasarkan firman Allah SWT. :

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَمَعَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama kami, Sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan Sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.

Surah al-Ankabut ayat 69

Yakni, orang-orang yang bersungguh-sungguh dalam melakukan ketaatan dan agama, maka sungguh Allah akan memberikan pertolongan kepada mereka untuk melakukan hal tersebut.

Ketika ditetapkan melakukan kemaksiatan, maka

dia harus menghadapinya dengan istighfar, taubat dan penyesalan dari dalam lubuk hatinya.

Allah SWT. berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلۡمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.

Surah al-Baqarah ayat 222

Ketika ditetapkan diberi kenikmatan, maka dia harus menyingkapnya dengan bersyukur dan sikap dermawan sehingga dimuliakan oleh Allah dengan tambahan kenikmatan.

Allah SWT. berfirman:

وَإِذۡ تَأَذَّنَ رَبُّكُمۡ لَئِن شَكَرۡتُمۡ لَأَزِيدَنَّكُمۡۖ وَلَئِن كَفَرۡتُمۡ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٞ ﴿٧﴾

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan Demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar Sesungguhnya azabKu amatlah keras".

Surah Ibrahim ayat 7

Ketika ditetapkan dalam kesulitan, maka dia harus menyingkapnya dengan sikap sabar dan redha sehingga diberi kemuliaan di akhirat, berdasarkan firman Allah SWT. :

وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾

Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar.

A-li ‘Imraan ayat 146

Allah SWT. berfirman:

إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira".

Surah az-Zumar ayat 10

Al-Fadhil al-Imam Maulana Ala'uddin di dalam syarahnya terhadap kitab *al-Mashabih* menyebutkan, perbezaan antara *qadha’* dan *qadar* adalah: *qadha’* merupakan keberadaan semua yang wujud di dalam *Lauh Mahfuz* secara global, bukan terperinci. Sedangkan *qadar* adalah perincian *qadha’* yang tadi dengan mewujudkannya di alam kebendaan satu per satu. Jadi, *qadha’* adalah kehendak Allah yang bersifat azali dan

inayah Ilahiah yang dibuat untuk mengatur semua benda *maujud* berdasarkan peraturan tertentu.

Kemudian orang-orang Islam berbeza pandangan dalam masalah *qadar*. Di antara mereka ada yang berpandangan bahawa semua yang terjadi di alam ini, baik berupa kebaikan mahupun keburukan, perkataan mahupun perbuatan, adalah kerana *qadha'* dan *qadar* Allah. Manusia tidak memiliki peranan di dalamnya.

Kumpulan ini disebut dengan Jabariyah. *Jabr* bererti paksaan. Mereka mengatakan bahawa Allah telah 'memaksa' hamba-hamba-Nya di atas perkataan dan perbuatan mereka, tanpa diberi kebebasan memilih di situ. Mereka memandang bahawa keterkaitan seseorang dengan perkataan dan perbuatannya sama seperti keterkaitannya terhadap benda--benda mati. Seperti kata-kata, kincir berpusing dan saluran air berjalan.

Mazhab ini batil kerana sesungguhnya apabila mereka berpendapat seperti ini, maka sungguh akan gugur beban-beban kewajipan (*taklif*) dari diri mereka. Mereka menyerupakan diri mereka dengan anak-anak kecil dan orang-orang gila dalam hal tidak adanya pemberatan hukum

terhadap mereka. Mereka benar-benar telah kafir kerana sesungguhnya mazhab mereka menyebabkan pembatalan kitab-kitab suci dan para Rasul. Apabila mereka mengatakan bahawa hal itu untuk mengagungkan Allah dan menghina diri mereka serta kelemahan mereka untuk menolak *qadha’* Allah, maka mereka telah berbuat bida’ah kerana mereka telah menyimpang dari ijma' (kesepakatan ulama).

Di antara umat Islam ada yang berpandangan bahawa segala yang terjadi pada diri seseorang yang mengikut tujuan dan kehendaknya adalah kerana kemampuan dan pilihannya sendiri, serta tidak berhubung dengan Kekuasaan dan Kehendak Allah.

Mereka disebut dengan Qadariah kerana menafikan *qadar*, bukan kerana menetapkannya. Mazhab ini pun batil. Sesungguhnya apabila mereka berpendapat seperti ini, yakni keyakinan adanya kelemahan bagi Allah dalam hal kekuasaan, maka mereka itu telah kafir. Maha Tinggi Allah dari sifat lemah. Dia Maha Tinggi lagi Maha Besar.

Apabila, dengan ijtihad yang keliru, mereka bermaksud menyucikan Allah dari mentakdirkan perbuatan mereka yang buruk, sehingga mereka menolak takdir itu, maka mereka telah melakukan

bida’ah kerana menyimpang dari ijma'. Di antara kumpulan ini ada yang mengatakan: "Kebaikan adalah takdir Allah, sedangkan keburukan bukan takdir-Nya."

Mazhab yang sebenar adalah bahawa perbuatan seseorang merupakan gabungan dari dua kemampuan: daya Allah dan daya hamba. Segala perbuatan yang lahir dari seseorang adalah dengan *qadha’* dan *qadar* Allah. Akan tetapi, seseorang mempunyai peranan (pilihan). Ketentuan dari Allah, sedangkan usaha dari seorang hamba. Mazhab ini merupakan mazhab pertengahan antara *Jabr* dan *Qadar*. Inilah yang dianut oleh Ahlus-Sunnah wal-Jama'ah. Demikianlah penjelasan dari al-Fadhil al-Imam Maulana Ala'uddin.

Kami telah menyebutkan di dalam kitab *al-Maqsad al-Aqsa* tentang pengaturan Yang Maha Pemelihara segala sesuatu dan Penyebab segala sebab. Asal dari perletakan sebab-sebab adalah untuk menghadapkan hukum-hukum dengan faktor penyebabnya dan menyampaikan sebab-sebab utama yang bersifat umum, tetap dan tidak berubah seperti bumi, langit tujuh, bintang-bintang, cakerawala dan gerakannya yang tepat dan terus-menerus, untuk sampai kepada ketetapan dan ajalnya.

Allah SWT. berfirman:

فَقَضَىٰهُنَّ سَبۡعَ سَمَـٰوَاتٍ فِي يَوۡمَيۡنِ وَأَوۡحَىٰ فِي كُلِّ سَمَآءٍ أَمۡرَهَاۚ

Maksudnya: *"Lalu ia menjadikannya tujuh langit, dalam dua masa; dan ia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing".*

Surat Fussilat ayat 12

Mengendalikan sebab-sebab ini, dengan gerakannya yang sesuai, terbatas, tertentu dan diukur sampai yang menyebabkan sesuatu yang baru dari detik ke detik, merupakan *qadar*-Nya.

Hukum (ketetapan) adalah peraturan pertama yang bersifat universal. Perkara *azali* adalah seperti kerdipan mata. *Qadha'* adalah ketetapan umum bagi sebab-sebab universal yang abadi. Sedangkan *qadar* adalah menghantarkan sebab-sebab universal itu, dengan gerakannya yang diukur dan tertentu, kepada akibat-akibatnya yang diukur dan terbatas sesuai dengan kadar yang tertentu pula, tidak lebih dan tidak kurang. Oleh sebab itu, tidak ada sesuatu yang keluar dari

qadha’ dan *qadar*-Nya. Engkau tidak akan memahami perkara tersebut, kecuali dengan kawalan.

Dan engkau tidak akan memahami perkara tersebut, melainkan dengan mendatangkan contoh perumpamaan.

Barangkali kamu mengetahui tentang kotak jam (jam air) yang kamu dapat mengetahui waktu-waktu solat dengannya, meskipun kamu belum pernah menyaksikannya. [40] Justeru, semestinya di dalamnya terdapat suatu alat berbentuk silinder yang boleh memuatkan air dengan ukuran tertentu. Juga terdapat alat lain yang seperti injap yang diletakkan di atas takungan air yang terdapat di dalam kotak tersebut. Terdapat seutas benang yang salah satu hujungnya diikatkan ke alat yang seperti injap ini, manakala hujung yang lain diikatkan ke bawah

---

[40] Sejenis jam yang mengukur waktu dengan aliran cecair yang teratur yang masuk ke dalam (jenis aliran masuk) atau keluar dari (jenis aliran keluar) sebuah bekas. Jumlah cecair yang masuk atau keluar kemudiannya disukat. Jam air, bersama dengan jam matahari, berkemungkinan merupakan alat ukuran waktu yang tertua, selain paku bayang menegak, dan kayu hitung yang digunakan untuk mengira hari.

Masyarakat pada waktu Imam Ghazali bahkan hari ini tidak semua pernah menyaksikannya. Sesuatu yang mahal dan eksklusif di zaman tersebut dan amat langka di zaman kita.

bekas kecil yang terletak di atas alat yang seperti injap tadi. Di dalamnya terdapat bola besi dan di bawahnya ada gelas. Apabila bola besi itu jatuh menimpa gelas maka terdengarlah bunyi dentingannya.

Di bawah silinder itu terdapat lubang yang mempunyai ukuran tertentu sehingga air boleh menitis darinya sedikit demi sedikit. Apabila air itu berkurangan, maka alat seperti injap yang diletakkan di atas permukaan air itu turut akan menurun. Maka benang yang diikatkan padanya memanjang sehingga menggerakkan bekas yang berisi bola tadi mendekati titik asal. Maka bola tersebut akan menggelonsor menimpa gelas dan menghasilkan bunyi dentingan. Pada setiap satu jam, akan berlaku sekali dentingan. Sesungguhnya kadar tempoh antara dua dentingan tersebut adalah berdasarkan kepada kadar keluarnya air dan kadar luasnya lubang titisan air tersebut. Hal ini boleh diketahui melalui cara perhitungan.

Justeru, air yang keluar dengan kadar yang ditentukan adalah disebabkan oleh luas ukuran lubang titisan air yang ditentukan, manakala turunnya ketinggian paras air juga berdasarkan ukuran yang ditentukan. Penurunan paras air dengan kadar tertentu akan menyebabkan alat yang seperti injap akan turut menurun serta akan menggerakkan benang yang diikat

padanya. Seterusnya akan melahirkan suatu gerakan pada bekas yang berisi bola. Kesemua ini dapat ditetapkan dengan mengukur sebab-sebabnya secara tepat tanpa berlaku sebarang pertambahan atau pun pengurangan. Dan kemungkinan dengan jatuhnya bola ke dalam gelas menjadi sebab kepada terjadinya pergerakan yang kedua dan pada pergerakan yang kedua itu menjadi sebab bagi gerakan yang ketiga. Demikianlah sehingga berlaku banyaknya pergerakan. Darinya akan lahir pergerakan unik yang diukur dengan ukuran-ukuran yang tertentu. Sebabnya yang pertama adalah turunnya air dengan ukuran yang telah ditentukan.

Apabila kamu telah mendapat gambaran tersebut, maka ketahuilah bahawa seseorang yang mencipta jam tersebut memerlukan kepada tiga perkara.

Pertama, peraturan, iaitu hukum: apakah yang sepatutnya berlaku daripada peralatan-peralatan, sebab-sebab dan pergerakan-pergerakan sehingga dapat menghasilkan apa yang mesti dihasilkan? Itulah yang dinamakan sebagai hukum.

Kedua, mewujudkan alat-alat tersebut yang merupakan asas utama dalam penciptaan jam. Iaitu

alat berupa silinder untuk menampung air, alat seperti injap untuk diletakkan di atas permukaan air, benang yang diikatkan padanya, bekas yang di dalamnya terdapat bola logam dan gelas untuk tempat jatuhnya bola. Semua ini dinamakan sebagai perlaksanaan (*qadha'*).

Ketiga*,* menentukan sebab yang dapat memastikan kadar yang terhitung dan tertentu. Hal ini dengan membuat lubang di bawah alat yang telah diukur keluasannya, supaya air yang turun darinya dapat menghasilkan pergerakan paras air. Kemudian pergerakan tersebut dapat menggerakkan alat seperti injap yang diletakkan di atas permukaan air, seterusnya akan menggerakkan benang dan bekas yang di dalamnya terdapat bola. Setelah itu, bola akan bergerak dan menghasilkan bunyi dentingan gelas ketika bola itu menimpanya. Bunyi dentingan tersebut dapat menarik perhatian dan mengingatkan orang ramai yang ada disekitarnya dan yang mendengarnya. Kemudian daripada bunyi dentingan tadi akan membuatkan orang ramai akan sibuk melaksanakan solat dan pekerjaan terutama sekali apabila mereka mengetahui akan habisnya waktu. Kesemua itu berlaku adalah berdasarkan keseluruhan ukuran yang telah diketahui dan ditentukan disebabkan oleh pergerakan yang pertama, iaitu pergerakan air.

Justeru, apabila kamu telah memahami bahawa alat-alat ini merupakan asas yang harus ada untuk menghasilkan pergerakan dan bahawa pergerakan itu mesti diukur supaya memperolehi hasil seperti yang dikehendaki. Oleh yang demikian, fahamilah bahawa apa yang terjadi daripada pergerakan alam ini yang telah pun ditetapkan oleh Allah tidak akan berlaku dengan cepat atau lambat melainkan setelah tiba tempohnya dan sebabnya. Kesemua ini berlaku dengan kadar ketentuan yang diketahui oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT :

إِنَّ ٱللَّهَ بَـٰلِغُ أَمْرِهِۦ ۚ قَدْ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَىْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

Maksudnya :*"Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu."*

Surah al-Talaq ayat 3

Oleh itu, keadaan langit, cakerawala, bintang, bumi, laut, udara dan benda-benda yang besar di alam semesta ini adalah seperti keadaan alat-alat untuk menghasilkan jam tersebut.

Dan sebab yang menggerakkan cakerawala, bintang, matahari, dan bulan dengan hitungan

tertentu adalah ibarat seperti lubang yang terdapat pada bekas silinder bagi memastikan turunnya air dengan ukuran tertentu. Penentuan pergerakan matahari, bulan dan bintang sehingga menghasilkan perkara-perkara yang baru di bumi adalah seperti penentuan gerakan air, sehingga menghasilkan pergerakan-pergerakan yang ditentukan sehingga dapat menjatuhkan bola bagi menandakan berakhirnya waktu.

Antara contoh daripada kesan pergerakan langit terhadap perubahan yang berlaku di bumi ialah matahari apabila bergerak dan telah sampai ke sebelah timur, maka alam semesta akan diterangi dengan cahaya matahari. Hal ini memudahkan manusia untuk melihat dan bertebaran untuk sibuk berkerja. Namun apabila matahari bergerak dan telah sampai ke sebelah barat, maka manusia tidak dapat meneruskan kerja-kerjanya sebaliknya mereka akan pulang ke rumah masing-masing.

Apabila matahari berada pada jarak kedudukan yang dekat dan hampir dengan bumi, maka iklim akan berubah kepada musim panas yang menyebabkan buah-buahan menjadi masak. Apabila matahari berada pada jarak yang jauh daripada bumi, maka iklim akan berubah kepada musim sejuk. Apabila matahari berada pada jarak pertengahan, maka akan terjadi musim

pertengahan iaitu musim bunga. Tanah akan menumbuhkan tanaman dan bumi akan nampak kehijauan.

Oleh yang demikian, buatlah kiasan dengan huraian ini melalui perkara-perkara masyhur yang kamu ketahui dan perkara-perkara asing yang belum kamu ketahui.

Perbezaan musim-musim ini semuanya dapat ditentukan dengan ukuran tertentu kerana perubahan musim adalah berdasarkan pergerakan-pergerakan matahari dan bulan.

Firman Allah SWT. :

ٱلشَّمۡسُ وَٱلۡقَمَرُ بِحُسۡبَانٖ ۝٥

Maksudnya: "*Matahari dan Bulan (beredar) menurut hitungan.*"

Surah ar-Rahman ayat 5

Hal ini bermakna, pergerakan matahari dan bulan dapat ditentukan dengan hitungan yang telah ditentukan. Inilah yang disebut sebagai penentuan (takdir). Memastikan berlakunya sebab-sebab secara keseluruhannya adalah perlaksaaan (*qadha'*) manakala peraturan yang pertama seperti kerdipan mata adalah merupakan ketetapan (*hukm*).

Sebagaimana pergerakan alat-alat, benang dan bola tidak terkeluar daripada kehendak pencipta alat, bahkan seperti itulah yang dikehendakinya, maka demikian pula dengan segala yang berlaku di alam semesta ini, sama ada buruk mahupun yang baik, bermanfaat mahupun berbahaya, semua itu tidak terkeluar daripada kehendak Allah SWT Bahkan, semua itu merupakan kehendak Allah SWT Dengan kehendakNya Dia mengatur penyebab kepada sesuatu perkara.

Firman Allah SWT:

وَلِذَٰلِكَ خَلَقَهُمْ ۗ

Maksudnya : "Dan dengan demikian kami menciptakan mereka."

Surah Hud ayat 119

Justeru, memahami perkara-perkara yang melibatkan ketuhanan melalui contoh-contoh kebiasaan bagi manusia adalah sesuatu yang susah. Namun, maksud daripada menyebut contoh-contoh tersebut adalah untuk memberi peringatan. Maka, usahlah terlalu memikirkan contoh tersebut sebaliknya berilah penumpuan kepada maksud kepada tujuan contoh tersebut, serta berhati-hatilah terhadap perumpamaan dan penyerupaan dalam perkara-perkara yang melibatkan ketuhanan.

Asas Keenam

Allah Maha Mendengar dan Melihat

-السَّمْعُ وَالْبَصَرُ-

Asas Keenam: Allah Maha Mendengar dan Melihat *(al-Sam' wa al-Basar)*

Sesungguhnya Allah Ta'ala Maha Mendengar (*Sami'*) dan Maha Melihat (*Basir*), Dia Mendengar dan Melihat.[41]

Tidak terselindung sesuatu apa pun perkara daripada pendengaranNya sekalipun perkara itu tersembunyi serta tidak hilang sesuatu apa pun perkara daripada penglihatanNya sekalipun perkara itu terlalu halus. [42]

---

[41] Penegasan Allah dalam firmanNya dalam surah al-Hajj ayat 61 :

وَأَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ ﴿٦١﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat."*

[42] Lebih terperinci lagi apa yang dinyatakan dalam surah al-Mujaadilah ayat 7 :

Tidak terhalang pendengaranNya disebabkan jarak yang jauh, tidak terlindung penglihatanNya disebabkan kegelapan.

Dia melihat tanpa menggunakan dan melalui perantaraan anak mata dan kelopak mata. Dan Dia mendengar tanpa menggunakan dan melalui gegendang telinga. Dia mengetahui tanpa melalui

---

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۖ مَا يَكُونُ مِن نَّجْوَىٰ ثَلَٰثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَآ أَدْنَىٰ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا۟ ۖ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Tidakkah engkau memikirkan, bahawa sesungguhnya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi? tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan Dia lah yang keempatnya, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dia lah yang keenamnya, dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan ia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. kemudian ia akan memberi tahu kepada mereka - pada hari kiamat - apa yang mereka telah kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*

hati, dan bergerak tanpa perlu kepada anggota, mencipta tanpa perlu kepada alat.[43]

Ingatlah, tidak terdapat suatu persamaan pun sifatNya dengan sifat makhluk sebagaimana tidak terdapat suatu persamaan pun zatNya dengan zat makhluk.[44]

❋ ❋ ❋

---

[43] Firman Allah SWT;

إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya keadaan kekuasaannya apabila ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah ia berfirman kepada (hakikat) benda itu: " Jadilah engkau! ". maka ia terus menjadi.*

Surah Yaasin ayat 82

[44] Sifat kesempurnaan Allah tidak sesekali menyamai makhlukNya, seperti yang ditegaskan dalam surah as-Syura ayat 11:

لَيۡسَ كَمِثۡلِهِۦ شَيۡءٞۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡبَصِيرُ ﴿١١﴾

Maksudnya: *Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.*

Asas Ketujuh Allah Maha Berkata-kata

–الكلام–

Asas Ketujuh :

Allah Maha Berkata-kata

(al-Kalam)

Sesungguhnya Allah Ta'ala itu Maha Berkata-kata[45] sama ada mengeluarkan arahan ataupun larangan, memberi ancaman keburukan atau pun menjanjikan kebaikan dengan *Kalam* yang *azali* dan *qadim*, yang berdiri dengan zatNya.[46]

---

[45] Kalam Allah dipaparkan seperti pada surah Toha ayat 14

إِنَّنِيٓ أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدۡنِي وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكۡرِيٓ ١٤

Maksudnya: *"Sesungguhnya Akulah Allah; tiada Tuhan melainkan Aku; oleh itu, sembahlah akan daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati daku.*

[46] Dan dalil tentang *Kalam*Nya itu *qadim* ialah firmanNya dalam surah Yasiin ayat 82:

إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ٨٢

Maksudnya: *Sesungguhnya keadaan kekuasaannya apabila Ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Ia berfirman*

FirmanNya tidak menyerupai seperti percakapan makhluk sebagaimana zatNya tidak menyerupai seperti zat makhluk. FirmanNya tidaklah terjadi dengan suara disebabkan pergerakan udara dan getaran zarah-zarah di dalam udara. Dan firmanNya tidak pula bergantung kepada sebutan huruf yang akan terputus-putus sekiranya ditutup bibir atau berlakunya pergerakan lidah. [47]

---

kepada (hakikat) benda itu: " Jadilah engkau! ". maka ia terus menjadi.

[47] Sifat *Kalam* adalah amat penting dalam menggambarkan kesempurnaan dan kehebatan Allah SWT :

وَتَمَّتۡ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدۡقًا وَعَدۡلاً ۚ لَّا مُبَدِّلَ لِكَلِمَـٰتِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ﴿١١٥﴾

..dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (Al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari Kalimah-kalimahNya; dan Dia lah yang Sentiasa Mendengar, lagi Sentiasa Mengetahui.

Surah al-An’am ayat 115

Surah al-Kahfi ayat 27 menguatkan lagi :

(Ketahuilah) bahawa sesungguhnya al-Quran, Taurat, Injil dan Zabur merupakan kitab-kitab yang diturunkan kepada para RasulNya. [48]

وَٱتۡلُ مَآ أُوحِيَ إِلَيۡكَ مِن كِتَابِ رَبِّكَۖ لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِهِۦ

وَلَن تَجِدَ مِن دُونِهِۦ مُلۡتَحَدٗا ﴿٢٧﴾

Maksudnya: …*dan baca serta turutlah apa yang diwahyukan kepadamu dari Kitab Tuhanmu; tiada sesiapa yang dapat mengubah Kalimah-kalimahNya; dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat tempat perlindungan selain daripadaNya.*

[48] Banyak ayat menceritakan perkara ini antaranya Surah an-Nisa' ayat 136 :

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ ءَامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَٱلۡكِتَٰبِ ٱلَّذِي نَزَّلَ عَلَىٰ

رَسُولِهِۦ وَٱلۡكِتَٰبِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ مِن قَبۡلُۚ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan RasulNya, dan kepada Kitab al-Quran yang telah diturunkan kepada RasulNya (Muhammad SAW), dan juga kepada Kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu.*

Surah al-Baqarah ayat 136 juga menerangkan perkara ini :

Sesungguhnya al-Quran itu dibaca dengan lisan, ditulis pada *mushaf* dan dipelihara di dalam hati. Justeru, al-Quran walaupun begitu, sifatnya adalah *qadim* kerana berkait dengan zat Allah dan tidak boleh dipisahkan dan diceraikan sifat al-Quran (iaitu *qadim*) semata-mata kerana al-Quran dipindahkan ke dalam hati atau lembaran-lembaran kertas (kepada sifat baharu).

قُولُوٓاْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيۡنَا وَمَآ أُنزِلَ إِلَىٰٓ إِبۡرَٰهِـۧمَ وَإِسۡمَٰعِيلَ وَإِسۡحَٰقَ وَيَعۡقُوبَ وَٱلۡأَسۡبَاطِ وَمَآ أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَمَآ أُوتِيَ ٱلنَّبِيُّونَ مِن رَّبِّهِمۡ لَا نُفَرِّقُ بَيۡنَ أَحَدٖ مِّنۡهُمۡ وَنَحۡنُ لَهُۥ مُسۡلِمُونَ

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai orang-orang yang beriman): "Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang diturunkan kepada Kami (al-Quran), dan kepada apa yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail dan Nabi Ishak dan Nabi Yaakub serta anak-anaknya, dan juga kepada apa yang diberikan kepada Nabi Musa (Taurat) dan Nabi Isa (Injil), dan kepada apa yang diberikan kepada Nabi-nabi dari Tuhan mereka; Kami tidak membeza-bezakan antara seseorang dari mereka (sebagaimana yang kamu - Yahudi dan Nasrani - membeza-bezakannya); dan Kami semua adalah Islam (berserah diri, tunduk taat) kepada Allah semata-mata".*

Sesungguhnya Musa AS telah mendengar firman Allah SWT tanpa suara dan huruf sebagaimana golongan *abrar* dapat melihat zat Allah SWT di hari akhirat tanpa adanya *jauhar*, bentuk, warna dan ‘*arad*.[49]

Sekiranya Allah Ta’ala mempunyai sifat-sifat (sifat bersuara dan huruf) tersebut menjadikan Allah keadaanNya hidup, mengetahui, berkuasa, berkehendak, mendengar dan berkata-kata melalui sifatnya hidup, ilmu, kemampuan, kehendak, pendengaran, penglihatan dan percakapan yang bukan daripada zatNya.[50]

❋❋❋

---

[49] Ini adalah *I’tiqad* Ahli Sunnah wal Jamaah, iaitu orang-orang yang beriman akan diberi nikmat yang terbesar iaitu melihat zat Allah. Kalimah *jauhar* dan *‘arad* lihat huraiannya di halaman 24.

[50] Ini merupakan pegangan Muktazilah iaitu menafikan sifat-sifat *Ma’ani* seperti *al-Ilm, al-Qudrah, al-Iradah*. Namun mereka menetapkan sifat *Ma’nawiyyah* seperti *Kaunuhu ‘Aliman, Qadiran, Murida.* Mazhab mereka tertolak berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunah.

Asas Kelapan Perbuatan Allah dan Perlakuan Makhluk

–الأَفْعَال–

Asas Kelapan :

Perbuatan Allah dan

Perlakuan Makhluk *(al-Af'al)*

Dan sesungguhnya tidak ada sesuatu kewujudan pun melainkan ianya terjadi dengan perbuatanNya dan limpahan daripada keadilanNya. Kewujudan itu dijadikan dengan sebaik-baik keadaan, sempurna, lengkap dan adil.[51]

Sesungguhnya Dia Maha Bijaksana dalam perbuatanNya, Maha Adil dalam ketetapanNya, tidak dapat dibandingkan keadilanNya dengan keadilan hambaNya.[52] Hal ini kerana, seseorang

---

[51] MakhlukNya adalah penciptaan yang terbaik terutamanya manusia :

لَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*

[52] Allah tidak menzalimi hamba-hambaNya, surah an-Nisa' ayat 40:

hamba itu boleh sahaja melakukan kezaliman dalam menguruskan sesuatu yang menjadi milik orang lain, namun hal kezaliman ini tidak berlaku sama sekali kepada Allah kerana sesungguhnya Dia tidak akan melanggari milik orang lain sehingga berlakunya kezaliman.[53]

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظۡلِمُ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖۖ وَإِن تَكُ حَسَنَةٗ يُضَٰعِفۡهَا وَيُؤۡتِ مِن لَّدُنۡهُ أَجۡرًا عَظِيمٗا ﴿٤٠﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiaya (seseorang) sekalipun seberat zarah (debu).dan kalaulah (amal yang seberat zarrah) itu amal kebajikan, nescaya akan menggandakannya dan akan memberi, dari sisiNya, pahala yang amat besar.*

[53] Manusia sendiri yang membuka pintu kerosakan:

مَّنۡ عَمِلَ صَٰلِحٗا فَلِنَفۡسِهِۦۖ وَمَنۡ أَسَآءَ فَعَلَيۡهَاۗ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّٰمٖ لِّلۡعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: *Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya.*

Justeru, setiap sesuatu selain daripadaNya sama ada di kalangan manusia, jin, syaitan, malaikat, langit, bumi, haiwan, tumbuh-tumbuhan, *jauhar, ‘arad,* atau sesuatu yang boleh diketahui dan dirasai dengan pancaindera merupakan sesuatu yang baharu yang diciptakan Allah dengan kekuasaanNya setelah sebelumnya tidak ada dan tidak wujud.[54]Sedangkan Allah sejak *azali* sahaja yang wujud secara tunggal dan tidak ada yang wujud bersama-sama denganNya.

Dan Allah menjadikan makhluknya bagi menzahirkan kekuasaannya dan melaksanakan

---

Surah Fussilat ayat 46.

[54] Allah Maha Pencipta, surah Luqman ayat 25:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ ۚ قُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya jika Engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?" sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah". Ucapkanlah (Wahai Muhammad): "Alhamdulillah" (sebagai bersyukur disebabkan pengakuan mereka yang demikian - tidak mengingkari Allah), bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat Tauhid dan pengertian syirik).*

apa yang berlalu daripada kehendakNya serta membenarkan apa yang dikatakanNya sejak *azali* iaitu :

"كُنْتُ كَنْزًا مَخْفِيًا فَأَحْبَبْتُ أَنْ أُعْرِفَ"

Maksudnya : "*Aku adalah merupakan khazanah yang tersembunyi, maka aku sangat suka agar dikenali*" [55]

Justeru, bukanlah bermaksud Dia memerlukan dan berhajat ke atas makhluk ciptaanNya.

Sesungguhnya Allah Maha Hebat dalam mencipta, menjadikan dan menentukan ciptaanNya dan tidaklah menjadi kewajipan ke atas Allah SWT untuk mencipta makhlukNya. Dan Dia Maha Pemberi Nikmat dan Kebaikan kepada makhlukNya namun tidaklah menjadi kemestian ke atas Allah untuk memberikannya kepada makhlukNya.

Justeru, bagiNya segala kemuliaan, kebaikan, nikmat dan anugerah sedangkan Dia berkuasa untuk menimpakan ke atas hambaNya pelbagai jenis azab dan menguji mereka dengan pelbagai jenis kesengsaraan dan kesakitan yang berpanjangan. Sekiranya Dia melakukan demikian

[55] Ramai di kalangan para ulamak hadis mengatakan bahawa ianya bukannya hadis, dan al-Qari berkata : maknanya adalah sahih namun tidak terdapat di dalam manuskrip hadis.

ke atas hambaNya, kesemua itu adalah sebahagian daripada keadilanNya dan bukannya perbuatan buruk dan zalim daripadaNya.

Dan sesungguhnya Dia memberi ganjaran pahala kepada hamba-hambaNya yang taat berdasarkan kemurahan dan keadilanNya, bukannya disebabkan suatu tuntutan hak ke atasNya dan kewajipan ke atasNya. Hal ini kerana tidak wajib ke atasNya apa-apa perbuatan, mustahil bagiNya melakukan kezaliman dan tidak ada wajib bagi seseorang itu untuk menuntut hak ke atas Allah.

Sesungguhnya hak Allah untuk ditaati adalah menjadi kewajipan ke atas makhlukNya berdasarkan perintah wajib daripadaNya melalui lisan para RasulNya, bukanlah semata-mata melalui akal fikiran. Dan sesungguhnya Dia mengutuskan para Rasul dan menzahirkan kebenaran mereka dengan mukjizat yang nyata.[56]

---

[56] Perutusan para Rasul untuk menyelamatkan manusia dan wajar umat memerhatikan apa yang telah diberikan kepada para Rasul tersebut :

وَلَقَدۡ بَعَثۡنَا فِي كُلِّ أُمَّةٖ رَّسُولًا أَنِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ وَٱجۡتَنِبُواْ

ٱلطَّٰغُوتَۖ فَمِنۡهُم مَّنۡ هَدَى ٱللَّهُ وَمِنۡهُم مَّنۡ حَقَّتۡ عَلَيۡهِ

Justeru mereka menyampaikan segala perintahNya, laranganNya, janji kebaikanNya dan ancaman keburukanNya maka wajib ke atas makhlukNya membenarkan segala apa yang dibawa oleh para RasulNya. [57]

ٱلضَّلَـٰلَةُ ۚ فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulNya*.

Surah an-Nahl ayat 36

[57] Segalanya pada Allah :

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْـَٔاخِرُ وَٱلظَّـٰهِرُ وَٱلْبَاطِنُ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣﴾

Maksudnya: *Dia lah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dia lah Yang Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*

Surah al-Hadid ayat 3.

Asas Kesembilan Hari Akhirat

– اليَوْمُ الأَخِرُ –

Asas Kesembilan : Hari Akhirat

(al-Yaum al-Akhir)

Sesungguhnya Allah Ta'ala memisahkan antara ruh dan jasad dengan kematian[58], kemudian Dia

---

[58] Seluruh ciptaan Allah SWT akan menemui ajalnya:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۖ

Maksudnya: *Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu.*

Surah A-li 'Imraan ayat 185

Dahsyatnya kehancuran kiamat dijelaskan Allah SWT dalam surah at-Takwir ayat 1-3

إِذَا ٱلشَّمْسُ كُوِّرَتْ ﴿١﴾ وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتْ ﴿٢﴾ وَإِذَا ٱلْجِبَالُ سُيِّرَتْ ﴿٣﴾

1. Apabila matahari dilingkari cahayanya (dan hilang lenyap);
2. Dan apabila bintang-bintang gugur berselerak;
3. Dan apabila gunung-ganang di terbangkan ke angkasa (setelah dihancurkan menjadi debu).

mengembalikan ruh ke dalam jasad ketika hari kebangkitan dan perhimpunan di padang mahsyar.[59]

Justeru, Dia membangkitkan sesiapa yang berada di dalam kubur dan mendedahkan segala apa yang tersirat di dalam dada.[60]

---

[59] Mahsyar itu ialah satu bumi yang sifatnya diterangkan oleh Rasulullah SAW dengan sebuah hadis yang berikut:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ السَّاعِدِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يُحْشَرُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى أَرْضٍ بَيْضَاءَ عَفْرَاءَ كَقُرْصَةِ نَقِيٍّ لَيْسَ فِيهَا مَعْلَمٌ لِأَحَدٍ. رواه البخاري ومسلم

Dari Sahl bin Sa'id as-Sa'idiy RA dari Nabi SAW, - yang bersabda maksudnya: *Allah akan himpunkan semua manusia pada hari qiamat di atas satu bumi yang putih kemerah-merahan seperti sebiji roti gandum putih yang baharu dibakar, bumi yang suci bersih tidak ada padanya gunung-ganang atau bukit bukau dan tidak pula ada padanya sebarang tanda atau kesan yang menunjukkan bahawa bumi itu pernah diduduki atau dimiliki orang*." (Bukhari dan Muslim)

[60] Surah al-‘Aadiyaat ayat 8, 9 dan 10.

وَإِنَّهُۥ لِحُبِّ ٱلْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾ ۞ أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعْثِرَ مَا فِى ٱلْقُبُورِ ﴿٩﴾ وَحُصِّلَ مَا فِى ٱلصُّدُورِ ﴿١٠﴾

Maka setiap orang mukallaf dapat melihat segala amalan yang telah dilakukan sama ada baik atau buruk yang didatangkan kepadanya. Kesemua amalan tersebut terdapat secara jelas dan terperinci di dalam catatan amal (kitab amalan) yang tidak meninggalkan walau sekecil-kecil amalan dan sebesar-besar amalan melainkan akan dicatat dan diperhitungkan.[61]

---

8. Dan Sesungguhnya ia (manusia itu) melampau sangat sayangkan harta (secara tamak haloba).

9. (Patutkah ia bersikap demikian?) tidakkah ia mengetahui (bagaimana keadaan) ketika dibongkarkan segala yang ada dalam kubur?

10. Dan dikumpul serta didedahkan segala yang terpendam dalam dada?

[61] Surah Yunus ayat 61.

وَمَا تَكُونُ فِى شَأۡنٍ وَمَا تَتۡلُواْ مِنۡهُ مِن قُرۡءَانٍ وَلَا تَعۡمَلُونَ مِنۡ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيۡكُمۡ شُهُودًا إِذۡ تُفِيضُونَ فِيهِ ۚ وَمَا يَعۡزُبُ عَن رَّبِّكَ مِن مِّثۡقَالِ ذَرَّةٍ فِى ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فِى ٱلسَّمَآءِ وَلَآ أَصۡغَرَ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكۡبَرَ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٦١﴾

Oleh itu, setiap orang akan mengetahui kadar amalannya sama ada baik atau buruk dengan ukuran yang benar yang disebut sebagai *al-Mizan*[62] (penimbang). Dan sesungguhnya penimbang amalan ini tidaklah sama sebagaimana penimbang berat sesuatu jisim, demikian juga tidak sama dengan *astrolab* yang digunakan untuk mengukur waktu, pembaris untuk mengukur panjang sesuatu, *'arudh* iaitu suatu ilmu yang digunakan untuk menjadi acuan kepada syair-syair Arab serta lain-lain jenis penimbang.

Maksudnya: *Dan tidaklah engkau (Wahai Muhammad) dalam menjalankan sesuatu urusan, dan tidaklah engkau dalam membaca sesuatu surah atau sesuatu ayat dari Al-Quran dan tidaklah kamu (Wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu mengerjakannya. dan tidak akan hilang lenyap dari pengetahuan Tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-ringan yang ada di bumi atau di langit, dan tidak ada yang lebih kecil dari itu dan tidak ada yang lebih besar, melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata.*

[62]*Al-Mizan* adalah timbangan yang Allah tegakkan pada hari Kiamat, untuk menimbang amalan manusia. *Al-Mizan* didahului oleh *Al-Hisab*. Kerana Hari Hisab merupakan pengakuan manusia, bahawa benar dia telah melakukan sesuatu amalan semasa hidupnya di dunia. Selepas itu amalannya akan ditimbang menggunakan *al-Mizan.*

Kemudian, Allah akan menghisab [63] segala perbuatan dan percakapan manusia, segala rahsia dan sanubari mereka, segala niat dan pegangan akidah mereka sama ada dizahirkan atau pun disembunyikan. Sesungguhnya manusia berbeza-beza keadaannya ketika waktu perhitungan amalannya di Mahsyar. Ada di kalangan mereka yang disoal siasat, ada yang diberikan tolak ansur dalam perbicaraan dan ada yang memasuki syurga tanpa sebarang perhitungan.[64]

---

[63] Menghisab ialah menghitung amalan baik dan buruk manusia. Lihat Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, h. 540.

[64] Suasana Mahsyar yang digambarkan di dalam surah Ibrahim ayat 42-43

وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱللَّهَ غَٰفِلًا عَمَّا يَعْمَلُ ٱلظَّٰلِمُونَ ۚ إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ ٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٤٢﴾ مُهْطِعِينَ مُقْنِعِى رُءُوسِهِمْ لَا يَرْتَدُّ إِلَيْهِمْ طَرْفُهُمْ ۖ وَأَفْـِٔدَتُهُمْ هَوَآءٌ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: *Dan janganlah engkau (Wahai Muhammad) menyangka Allah lalai akan apa yang dilakukan oleh orang-orang yang zalim; Sesungguhnya Dia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya terbeliak kaku pemandangan mereka, (kerana gerun gementar melihat keadaan yang berlaku).*

Dan sesungguhnya manusia setelah dihisab akan dibawa melalui *al-Sirat* iaitu jambatan yang terbentang menghubungkan antara tempat golongan yang binasa dan tempat golongan yang bahagia. Jambatan tersebut lebih tajam daripada mata pedang dan lebih halus daripada sehelai rambut.

Orang yang hidupnya ketika di dunia berada di atas jalan yang lurus (petunjuk dan hidayah Allah) akan menjadi mudah untuk melalui jambatan tersebut. Manakala orang yang berpaling daripada Islam ketika berada di dunia akan terjatuh dan tergelincir daripada jambatan tersebut melainkan orang-orang yang mendapat keampunan daripada Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pemurah.

Dan sesungguhnya manusia ketika itu akan ditanya oleh Allah. Maka Allah akan bertanya kepada sesiapa sahaja di kalangan para Nabi, adakah mereka telah menyampaikan risalah?. Allah juga akan bertanya kepada sesiapa di kalangan orang kafir yang mendustakan terhadap Rasul-rasulNya dan orang-orang yang melakukan bid'ah dan penyimpangan daripada sunnah. Orang-orang

---

(dalam pada itu) mereka terburu-buru (menyahut panggilan ke padang Mahsyar) sambil mendongakkan kepala mereka dengan mata tidak berkelip, dan hati mereka tidak bersemangat (kerana bingung dan cemas).

Islam turut ditanya tentang amalannya, maka orang-orang Islam yang benar akan ditanya tentang perlakuannya yang benar manakala orang-orang munafik akan ditanya tentang perlakuannya yang berpura-pura.

Kemudian setelah itu, golongan yang mendapat kebahagiaan akan dibawa kepada Yang Maha Pengasih sebagai tetamu manakala golongan yang melakukan kejahatan akan dicampakkan ke dalam neraka Jahannam.[65]

Kemudian Allah memerintahkan agar dikeluarkan dari neraka golongan yang mempunyai tauhid setelah mereka mendapat pembalasan terhadap dosa-dosa yang dilakukan sehingga tidak tertinggal seorang pun di kalangan orang yang mempunyai iman walau sebesar zarah di dalam neraka.

Sebahagian di kalangan mereka dikeluarkan dari neraka sebelum sempurnanya seksaan dan pembalasan kerana mendapat syafaat para Nabi,[66]

---

[65] Istilah neraka Jahannam ini banyak disebutkan di dalam ayat-ayat Al-Quran antaranya : (al-Quran Surah Maryam: 86). (Surah Al-Kahfi: 100). (Surah Ibrahim: 28-29) (Surah Al-Taubah: 68) (Surah Al-Kahfi: 100) (Surah Al-Ankabut: 68) (Surah An-Nisa': 115) (Surah Al-Hajr: 43)

[66] Syafaat adalah rahmat Allah SWT pada hamba-hambaNYa yang terpilih, firmannya dalam surah al-Anbia' ayat 28.

‘ulama’,[67] syuhada’ dan mereka yang mendapat kedudukan untuk memberi syafaat.

Kemudian, golongan yang mendapat kebahagian akan menetap di dalam syurga merasai segala jenis kenikmatan selama-lamanya[68] serta

---

يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡ وَلَا يَشۡفَعُونَ إِلَّا لِمَنِ ٱرۡتَضَىٰ وَهُم مِّنۡ خَشۡيَتِهِۦ مُشۡفِقُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: *Allah mengetahui apa yang di hadapan mereka (yang telah mereka lakukan), dan apa yang di belakang mereka (yang akan mereka lakukan); dan mereka tidak memohon syafaat melainkan bagi sesiapa yang diredhai Allah; dan mereka pula sentiasa cemas takut daripada ditimpa azabNya.*

[67] ‘Ulamak yang beramal dengan ilmunya itu dapat memberi syafaat.

عن عثمان بن عفان عن النبي – صلى الله عليه وسلم –يشفع يوم القيامة قال ''الأنبياء ، ثم العلماء ، ثم الشهداء ''.

Dari khalifah Usman bin Affan R.A. dari Nabi SAW, beliau bersabda: *“Yang akan mensyafaati kelak di hari kiamat adalah para Nabi, kemudian para Ulama, kemudia para Syuhada”.*

Hadis riwayat Ibnu Majah dan Baihaqi.

[68] Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 25 menggambarkannya;

mendapat keseronokan dengan dapat melihat Allah.

Manakala, golongan yang mendapat kebinasaan akan menetap di dalam neraka merasai berulang-ulang segala jenis azab[69] bahkan dijauhkan dengan

---

وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُۖ كُلَّمَا رُزِقُواْ مِنۡهَا مِن ثَمَرَةٖ رِّزۡقٗا قَالُواْ هَٰذَا ٱلَّذِي رُزِقۡنَا مِن قَبۡلُۖ وَأُتُواْ بِهِۦ مُتَشَٰبِهٗاۖ وَلَهُمۡ فِيهَآ أَزۡوَٰجٞ مُّطَهَّرَةٞۖ وَهُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: *Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: "Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu"; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya.*

[69] Firman Allah dalam surah an- Nisa ayat 56 membawakan contohnya;

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِنَا سَوۡفَ نُصۡلِيهِمۡ نَارٗا كُلَّمَا نَضِجَتۡ جُلُودُهُم بَدَّلۡنَٰهُمۡ جُلُودًا غَيۡرَهَا لِيَذُوقُواْ ٱلۡعَذَابَۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمٗا ﴿٥٦﴾

halangan untuk melihat Allah Ta'ala Yang Maha Memiliki Keagungan dan Kemuliaan.

❋❋❋

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan Kami, Kami akan membakar mereka dalam api neraka. Tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab sengsara itu. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah adalah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

Asas Kesepuluh Kenabian

–النُبُوَّة–

Asas Kesepuluh : Kenabian

(al-Nubuwwah)

Sesungguhnya Allah menciptakan malaikat dan mengutuskan mereka dan membantu para Nabi dengan diberikan mukjizat.

Para malaikat kesemuanya merupakan hamba Allah. Firman Allah :

وَمَنۡ عِندَهُۥ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ وَلَا يَسۡتَحۡسِرُونَ ﴿١٩﴾ يُسَبِّحُونَ ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَ لَا يَفۡتُرُونَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya *: "Dan malaikat-malaikat yang ada di sisiNya tidak membesarkan diri dan tidak enggan daripada beribadat kepadaNya, dan tidak pula mereka merasa penat dan letih. Mereka beribadat malam dan siang, dengan tidak berhenti-henti."*

al-Anbiya' ayat 19-20

Para Malaikat juga merupakan utusan Allah kepada makhlukNya.Telah sampai kepada mereka wahyu Allah melalui perantaraan malaikat, maka mereka bercakap adalah berdasarkan wahyu yang

diberikan dan bukan bercakap mengikut hawa nafsu mereka.[70]

Sesungguhnya Allah telah mengutuskan seorang yang tidak tahu membaca dan menulis [71] (*ummiy*) berbangsa Quraish iaitu Muhammad

---

[70] Sifat-sifat malaikat ini dinyatakan Allah SWT di dalam surah Faatir ayat 1:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَاعِلِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ رُسُلًا أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۚ يَزِيدُ فِى ٱلْخَلْقِ مَا يَشَآءُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

Maksudnya: *Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: dua, tiga dan empat; ia menambah pada bentuk kejadian makhluk yang diciptakannya apa jua yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

[71] Firman Allah di dalam surah al-Jumu'ah ayat 2 menyatakannya;

هُوَ ٱلَّذِى بَعَثَ فِى ٱلْأُمِّيِّۦنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا۟ مِن قَبْلُ لَفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari

SAW dengan membawa risalah Islam kepada semua manusia sama ada kepada bangsa Arab mahupun bukan Arab (*‘ajam*) dan sama ada kepada jin mahu pun manusia. Maka syariatnya (Islam) telah menghapuskan (*nasakh*) syariat-syariat terdahulu.

Allah menjadikan Baginda sebagai penghulu sekalian manusia dan Allah tidak mengiktiraf kesempurnaan iman dengan hanya semata-mata persaksian tauhid iaitu melalui kalimah

لاَ اِلَهَ إِلاَّ الله

(*tiada tuhan melainkan Allah*)

yang tidak disertakan padanya persaksian terhadap Rasulullah SAW dengan kalimah

مُحَمَّدُ الرَّسُوْلُ الله

(*Muhammad itu adalah utusan Allah*).

Allah SWT mewajibkan makhluknya membenarkannya (Muhammad SAW) terhadap segala perkara yang disampaikannya sama ada

---

iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syarak). dan Sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

berkaitan dengan urusan dunia mahupun akhirat dan Allah mewajibkan hamba-hambaNya mengikut dan mencontohi Baginda SAW. Firman Allah :

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمۡ عَنۡهُ فَٱنتَهُواْۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٧

Maksudnya :*"Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah SWT amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)."*

Surah al-Hasyr ayat 7

Tidak berlalu sesuatu perkara yang dapat mendekatkan diri kepada Allah melainkan Rasulullah menyuruh umat Baginda melakukannya dan Baginda akan menunjukkan jalan untuk dekat kepada Allah. Tidak ada sesuatu perkara yang dapat mendekatkan umatnya kepada neraka dan menjauhkan mereka daripada Allah melainkan Rasulullah akan menegah mereka daripada melakukannya dan memperkenalkan mereka jalan tersebut. Kesemua perkara ini tidak dapat

dijelaskan semata-mata dengan menggunakan akal, pandangan dan kecerdikan namun semua ini adalah merupakan rahsia-rahsia yang dapat disingkap oleh kesucian hati para Nabi.[72]

Segala puji bagi Allah atas setiap petunjuk dan hidayah, dan segala puji bagi Allah yang menzahirkan nama-namanya yang baik dan sifat-sifatnya yang tinggi.

Selawat serta salam ke atas Muhammad, Rasul pilihan, penutup sekalian Nabi,[73]seterusnya

---

[72] Antara arahan Allah untuk mentaati Baginda ialah surah al-Hasyr ayat 7.

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمۡ عَنۡهُ فَٱنتَهُواْۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٧

Maksudnya: *Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).*

[73] Nabi Muhammad adalah penutup para rasul seperti firmanNya di dalam surah al-Ahzab ayat 40.

مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمۡ وَلَٰكِن رَّسُولَ ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّـۧنَۗ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمًا ٤٠

kepada ahli keluarga baginda dan para sahabatnya segala kesejahteraan yang tidak terhingga.

❋ ❋ ❋

Maksudnya: *Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi. dan (ingatlah) Allah adalah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*

PENUTUP

Penutup

Peringatan terhadap buku-buku yang dituntut bagi mengetahui tentang hakikat Aqidah Islam :

Ingatlah bahawasanya apa-apa yang telah kami sebutkan (dalam penulisan ini) adalah hasil daripada ilmu-ilmu yang terdapat dalam al-Quran[74] terutama perkara yang berkaitan dengan Allah dan hari akhirat.

Penulisan ini adalah merupakan terjemahan kepada akidah yang mesti diketahui dan difahami oleh hati-hati setiap orang Islam. Dalam makna yang lain, seseorang muslim itu mestilah meyakini dan membenarkan perkara-perkara tersebut dengan keyakinan dan kebenaran yang jitu dan mantap.

Disebalik pegangan akidah yang zahir ini terdapat dua peringkat :

- **Pertamanya** : Mengetahui dalil-dalil akidah yang zahir tanpa perlu mendalami perbahasan tentang rahsia-rahsianya.

[74] Sebahagian besarnya telahpun penterjemah iringkan matan-matan tersebut dengan dalil-dalil daripada Al-Quran

- **Keduanya** : Mengetahui rahsia-rahsia akidah, intipati maknanya dan hakikatnya yang zahir.

Kedua-dua peringkat ini tidak wajib bagi kesemua orang awam. Hal ini bermaksud, keselamatan dan kejayaan mereka di akhirat nanti tidaklah bergantung semata-mata kepada kedua-dua peringkat ini, sebaliknya pergantungan kepada kedua-dua peringkat ini merupakan kesempurnaan kebahagiaan.

Yang kami maksudkan dengan keselamatan ialah bebas daripada azab siksaan. Manakala yang dimaksudkan dengan kejayaan ialah memperolehi teras kepada kenikmatan dan yang dimaksudkan dengan kebahagiaan ialah mendapat kemuncak kepada kenikmatan.

Adapun pemerintah,[75] sekiranya menguasai sesebuah negara dan menaklukinya secara paksa maka orang-orang yang tidak dibunuh dan tidak diseksa adalah merupakan orang yang selamat sekalipun dikeluarkan daripada negara tersebut.

---

[75] Ini adalah analogi yang di bawa oleh Imam al-Ghazali untuk memahami situasi keselamatan, kejayaan dan kebahagiaan.

Orang-orang yang tidak diseksa serta diberi tempat untuk menetap bersama ahli keluarganya dan diberikan sebab-sebab untuk hidup merupakan orang yang berjaya dan selamat.

Manakala orang-orang yang diambil kira untuk diberi bahagian dalam kerajaannya dan diambil menjadi pemimpin dalam pemerintahannya merupakan orang yang selamat, berjaya dan bahagia.

Justeru, pertambahan kepada darjat kebahagian tidak terbatas sama sekali.

Ketahuilah, bahawasanya manusia di akhirat terbahagi kepada beberapa kelompok tersebut (selamat, berjaya dan bahagia) bahkan lebih banyak daripada itu di akhirat kelak. Dan sesungguhnya kami telah huraikannya pada kitab *al-Taubah* di dalam karya *Ihya' Ulum al-Din*. Maka barangsiapa yang ingin mengetahui dengan lanjut tentangnya maka rujuklah kitab tersebut.

Bagi mengetahui peringkat pertama daripada dua peringkat akidah iaitu mengetahui dalil-dalil akidah, kami telah menulisnya di dalam kitab *al-Risalah al-Qudsiyyah* yang mengandungi sebanyak 20 helaian. Risalah ini merupakan satu fasal daripada kitab *Qawa'id al-'Aqaid* yang terdapat dalam karya *Ihya' Ulum al-Din*.

Adapun dalil-dalil akidah berserta penambahan tahkik[76] dan penambahan penelitian bagi mendatangkan persoalan-persoalan dan permasalahan-permasalahannya, kami telah jelaskannya di dalam kitab *al-Iqtisad fi al-I'tiqad* yang mengandungi sebanyak seratus mukasurat. Kitab tersebut satu-satunya kitab yang terbaik dalam membahaskan dalil-dalil akidah kerana mengandungi intisari ilmu ulama' *mutakallimin*.[77]

Walaubagaimanapun kitab tersebut lebih jelas dalam mentahkik permasalahan ilmu kalam dan lebih mudah untuk memahami bab-bab *makrifah* (mengenali Allah) berbanding dengan perkataan rasmi yang terdapat dalam buku-buku yang dikarang oleh ulama' *mutakallimin*.

Kesemua perkara (berkaitan dengan akidah) ini adalah berdasarkan kepada keyakinan dan

---

[76] *Tahkik* ; Pengesahan sesuatu kebenaran dengan bukti, benar, sahih dan sungguh. Lihat Kamus Dewan, Edisi Ketiga (1994), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 1344.

[77] *Mutakallimin*; golongan ulama yang berkeahlian di bidang aqidah atau ilmu kalam. Ilmu kalam pula ialah ilmu yang membahaskan perkara yang melibatkan pembalasan Hari Yang Dijanjikan, syurga dan neraka, sirat dan mizan, dosa dan pahala serta balasan baik serta buruk. Lihat *Mu'jam al-Ta'rifat*, al-Jurjaniy,Tahqiq Muhammad Sadiq al-Minsyawiy, Darul Fadilah, halaman 155.

bukannya bergantung kepada pengetahuan. Hal ini kerana seorang daripada ulama' *mutakallimin* tidak dibezakan dengan orang awam melainkan dari segi pengetahuannya kerana orang awam juga mempunyai keyakinan dalam akidah.

Bahkan seorang ulama' *mutakallimin* itu mempunyai keyakinan dalam akidah beserta dengan pengetahuan terhadap dalil-dalilnya bagi menguat dan mengukuhkan akidah di samping menjaga akidah daripada ancaman ahli-ahli bid'ah. Bukannya bertujuan untuk merungkaikan permasalahan keyakinan untuk sampai kepada pengetahuan.

Sekiranya kamu ingin mengetahui tentang sebahagian daripada keindahan *makrifah*, kamu dapat menemuinya sedikit sebanyak dalam kitab *as-Sabr, asy-Syukr, al-Mahabbah* dan bab *at-Tauhid* daripada permulaan kitab *at-Tawakkul*. Kesemua perbahasan ini terdapat dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din.*

Di samping itu, kamu juga dapat mengetahui dengan baik tentang cara-cara untuk memahami bab-bab makrifah di dalam kitab *al-Maqsad al-Asna fi Ma'ani Asma' Allah al-Husna*[78] terutamanya

---

[78] Al-Ghazali membahaskan al-Asma' al-Husna dengan menulis kitab *al-Maqsad al-Asna fi Ma'ani Asma'illah al-*

untuk mengetahui nama-nama Allah yang diambil daripada perbuatan-perbuatan Allah.

Dan sekiranya kamu mahukan pengetahuan yang jelas tentang hakikat akidah ini tanpa memerlukan penjelasan mendalam dan pengawasan rapi, maka kamu tidak akan dapatinya melainkan di dalam beberapa kitab yang telah kami susun bagi mereka yang bukan ahlinya.

Justeru, berwaspadalah agar kamu tidak terpedaya dengan bacaan terhadap kitab-kitab dan bersangka bahawa kamu telah menjadi ahli untuk memperkatakan tentang hakikat aqidah. Kemudian kamu berusaha untuk memahaminya hanya dengan membacanya sahaja dengan bertujuan untuk menolaknya secara terang-terangan

---

Husna yang membicarakan sifat rububiyyah Allah SWT. Al-Ghazali menulis kitab ini ketika beliau berada dalam fasa pengasingan diri setelah selesai menulis kitab *Ihya'* dan sebelum beliau menulis kitab *al-Munqidh min al-Dalal.* Kitab ini sebagai karya ilmiah yang ditulis dalam tempoh masa pengasingan diri al-Ghazali iaitu di antara tahun 488H -499H / 1095M -1106M. Kitab ini membahaskan tema aqidah di samping perbahasan akhlak dan tasauf. Perbahasan ilmu akidah merangkumi wacana ketuhanan *(al-ilahiyyat),* kenabian *(al-nabawiyyat)* dan perkara ghaib *(al-sam'iyyat).* lihat *al-Maqsad al-Asna Sebagai Karya Aqidah al-Ghazali,* Mohd Hasrul Shuhari dan Mohd Fauzi Hamat, Jurnal Afkar 15 (2014), Universiti Malaya.

melainkan sekiranya terhimpun pada diri kamu 3 perkara berikut :

Pertamanya :
Kamu telah menguasai kesemua ilmu-ilmu zahir dan mencapai tahap *Imamah* dari segi keilmuan.

Keduanya :
Telah tercabut dari hati kamu segala kepentingan dunia. Hal ini terjadi setelah kamu melenyapkan akhlak yang tercela sehinggalah tidak tertinggal di dalam diri kamu melainkan untuk mendamba, memberi perhatian dan sibuk hanya semata-mata kerana *al-Haq* (Allah).

Ketiganya :
Kamu telah dianugerahkan dengan kebahagiaan yang merupakan asas bagi fitrah manusia dengan memiliki tabiat yang suci dan kecerdikan yang mencukupi.

Hal ini kerana kamu tidak boleh bergantung untuk memahami kedalaman ilmu dan permasalahannya semata-mata dengan gambaran fikiran secara spontan dan sepintas lalu.

Sesungguhnya orang yang bodoh apabila bersusah payah fikirannya dan hatinya untuk mengetahui sesuatu perkara barangkali akan

mengetahuinya juga, namun dia hanya mengetahui sedikit sahaja dalam tempoh yang lama.

Justeru, orang yang sesuai dan layak untuk mendapatkan pengetahuan yang sebenar ialah orang yang mempunyai hati yang suci kerana hati umpama cermin yang dapat menampakkan segala-galanya.

Kesemua ini hanya dapat diperolehi dengan kekuatan fitrah dan niat yang sahih, serta menghilangkan segala perkara yang tidak baik tentang dunia dari dirinya. Hal ini kerana perkara yang tidak baik tentang dunia adalah kotoran dan tompokan yang dapat menghalang hati untuk mengenal Allah.

Firman Allah Ta'ala :

وَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَقَلْبِهِۦ وَأَنَّهُۥٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: *"sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya, dan sesungguhnya kepadaNyalah kamu akan dihimpunkan."*

Surah al-Anfal ayat 24

***

BIBLIOGRAFI (untuk terjemahan)

al-Quran Word 2007

Abdul Aziz Umar Ahmad (2006), Asas Aqidah Islam, cetakan ke-6, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

al-‘Ajamiy, Dr. Rafiq, *Mausu’ah Mustolahat al-Tasawwuf al-Islamiy,* Pustaka Lubnan, Beirut.

al-Fatani, Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa (t.t), *Faridah al-Faraid fi ‘Ilm al-‘Aqaid*, Fatani : Ben Halabi.

al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad al-Ghazali Abi Hamid (2009) *al-Iqtisad fi al-I’tiqad, tahqiq* Dr. Mustafa Abdul Jawad ‘Imran, cet. 1, Kaherah : Dar al-Basair.

al-Humawiy, Yaqut, *Mu’jam Buldan*, Darul Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut

al-Mufti al-Sayyid Muhammad ‘Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, *al-Ta’rifat al-Fiqhiyyah,* Darul Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.

al-Munazhamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al-‘Ulum (1999), *Al-Mu’jam al-‘Arabiy al-Asasiy.*

Dr. Abdul Fattah ‘Uthman Ibrahim (1416H), *Raudhat al-Muttaqin fi al-Asma’ al-Tis’ah wa al-Tis’in*, Tanta : Percetakan al-Turki.

Dr. Mustafa Abdul Jawad ‘Imran (2009*), al-Saddad fi al-Irsyad ila al-Iqtisad fi al-I’tiqad*, cet. 1, Kaherah : Dar al-Basair.

Dr. Taha al-Dasuqi Hubaishi (t.t), *al-Janib al-Ilahi fi Fikr al-Imam al-Ghazali*, Kaherah : Matba'ah Rashwan.

Hajah Noresah bt. Baharom, et. Al (1994) *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, c.1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jurnal Afkar 15 (2014), Universiti Malaya.

Sohibus Samahah Haji Said bin Haji Ibrahim, (2000), Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, cetakan ke-2, Darul Ma'arifah, Kuala Lumpur.

Maktabah Syamilah versi 3.26

